

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

**PENYATA RASMI (HANSARD)
MESYUARAT PERTAMA
DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21**

[DRAF AWAL]

**HARI ISNIN
16 RAMADAN 1446
BERSAMAAN 17 MAC 2025
(HARI KETIGA BELAS)**

DEWAN MAJLIS

Hari Isnin, 16 Ramadan 1446 / 17 Mac 2025

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbang – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

TIDAK HADIR:

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas urusan rasmi).

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam (Cuti Tahunan).

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas urusan rasmi).

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas urusan rasmi).

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: Bismillahir Rahamanir Rahim. Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ketiga belas pada hari ini Isnin, 16 haribulan Ramadan 1446 Hijrah bersamaan 17 haribulan Mac 2025 Masihi, dan didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

(Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahamanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya juga kita dapat bersama-sama berkumpul lagi pada hari ini untuk bersidang bagi hari ketiga belas dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita akan memulakan hari ini dengan Urusan Mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Kenyataan Menteri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah memberikan izin bagi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk membuat Kenyataan Menteri yang bertajuk Inisiatif Strategik Dalam Pengukuhan Perkhidmatan Ugama. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: (*Doa dibaca*). Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas laluan yang diberikan.

Kaola mengambil kesempatan bagi menyatakan sekali lagi terima kasih kaola

dan penghargaan kementerian kepada sekalian rakan-rakan sepersidangan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik yang telah, bukan sahaja setakat menyoal, bahkan telah mengemukakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan, di samping dalam hal-hal tertentu memberikan teguran-teguran yang halus, tapi ikhlas.

Kesemuanya itu sebagaimana yang telah kaola sebutkan dalam sesi perbahasan yang lalu, adalah sangat kaola alu-alukan dan hargakan kerana itulah sifatnya majlis ini, majlis untuk menjadi *check and balance* yang sihat kepada bidang eksekutif pemerintahan. Semoga hal ini akan terus berkembang sewajarnya dalam semangat kebruneian kitani, insya Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Maka sehubungan dengan itu, dalam sesi Kenyataan Menteri ini, kaola suka cita mengambil kesempatan untuk menyatakan pelaksanaan dan pencapaian tiga fokus strategik utama:-

Pertama, dalam tempoh lima tahun, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah melaksanakan rancangan strategiknya 2020 hingga 2024 yang memfokuskan kepada tiga fokus strategik utama iaitu:

Pertama, Pendidikan Ugama/Arab Berkesan; kedua, Dakwah Mantap Berkesan; dan ketiga, Kesejahteraan dan Keselamatan Sosial Terjamin.

Dengan ketiga-tiga ini dengan menetapkan 13 Petunjuk Prestasi Utama, KPI yang mengukur pencapaian tugas

dan tanggungjawab dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai inisiatif dalam menjayakan perancangan yang ada.;

Yang kedua, kaola ingin menyatakan bahawa bagi Fokus Pendidikan Ugama/Arab yang Berkesan itu, secara keseluruhannya pada tahun 2024 boleh dikatakan berjaya mencapai sasaran KPI yang ditetapkan khususnya dalam bidang, dalam peningkatan tahap kompetensi guru, tahap pencapaian dalam peperiksaan-peperiksaan awam dan bilangan yang hafaz al-Quran.

Manakala, bagi Fokus Dakwah Mantap Berkesan, alhamdulillah perkembangan dakwah terus diperkasa dan diperkuuhkan dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan pendekatan sesuai dengan trend semasa yang ada. Dalam pada itu, pihak kementerian melihat perlunya usaha-usaha yang berterusan dengan mengambil kira sasaran, persekitaran dan cabaran-cabaran baharu.;

Yang keempat, ialah berkaitan mengenai Kesejahteraan dan Keselamatan Sosial Terjamin. Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai peneraju bersama dalam Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial, MKIS akan terus komited untuk mendepani cabaran-cabaran bagi memastikan kesejahteraan dan kemasyarakatan masyarakat akan terus diambil perhatian sewajarnya.

Secara umumnya pencapaian adalah baik dan mencapai sasaran yang ditetapkan khususnya dalam hal ehwal mengenai kesalahan-kesalahan jenayah syariah.

Mungkin kaola dapat memetik sebahagian KPI iaitu pencapaian KPI 2020 sama 2024.

Pertama, dari segi Fokus Strategik Pendidikan Ugama/Arab Berkesan. Peratus pengajaran yang mencapai tahap tiga ke dalam *Brunei Teachers' Standard* iaitu *performance appraisal* atau yang bersesuaian adalah sebanyak sasarannya 83% lebih tetapi pencapaiannya kurang daripada itu.

Namun, tidaklah jatuh sampai kepada 50%, pencapaiannya adalah 79.6%. Keterangannya adalah program-program perkembangan profesional guru yang dirancang dapat dilaksanakan dengan teratur, yang hala tujuanya bagi meningkatkan kecemerlangan tenaga akademik pengajar melalui latihan dan bimbingan yang berstruktur.

Yang kedua, peratus sekolah pada tahap ketiga ke atas dalam penilaian *standard* sekolah iaitu sasaran 91%, pencapaian adalah 94.7% iaitu pemantauan berterusan dilaksanakan dari segi kemajuan pelajar, kepimpinan pentadbir sekolah dan prasarana sekolah yang hala tujuanya bagi mengukuhkan kepimpinan yang berkarisma dan berprestasi tinggi dalam setiap peringkat pendidikan.

Yang ketiga, ialah peratus peningkatan pencapaian Peperiksaan Awam 2024 STPUB sebanyak 45.65%, SPUB 21.6%, SSRU sebanyak 68.1% tapi pencapaian yang ada ialah menunjukkan suatu peningkatan. STPUB dalam sasaran 45%, maka pencapaiannya adalah 52.88%.

Pelaksanaan program-program ini pencapaian ini dari SPUB sasaran 21%, pencapaiannya kurang sedikit peratusnya tapi masih 21.45%. Cuma SSRU yang disasarkan sebanyak 68.1%, pencapaian kurang daripada itu iaitu 65%.

Jadi, pelaksanaan program-program intervensi telah dilakukan untuk memberikan pelajar motivasi dan juga kepada guru-guru. Kemudian peningkatan pelajar yang khatam al-Quran disasarkan 59%, maka pencapaiannya alhamdulillah 95%. Jadi, peningkatan ini adalah satu pencapaian luar biasa.

Faktor utamanya ialah yang menyumbang kepada kejayaan besar ini seperti kaedah hafazan yang lebih efektif, penekanan kepada motivasi pelajar dan sistem pemantauan yang lebih ketat dari pihak institut. Hala tujunya ialah bagi meningkatkan dan mengukuhkan jalinan kerjasama dengan institusi-institusi yang lain dalam bidang yang sama.

Begitulah juga peningkatan daripada peningkatan graduan peringkat Sarjana dan Sarjana Muda dengan kepujian adalah meningkat. Sasaran 95.97% bagi MA Sarjana, bagi Sarjana Muda 98.83% tapi pencapaian bagi Sarjana ialah 100% dan bagi Sarjana Muda adalah meningkat sedikit peratusnya dari 98.83% menjadi 98%, kurang dari peratusnya.

Jadi semuanya ini kalau dikira dari segi bidang pendidikan itu nyatanya memanglah ada peningkatan dan ada

penurunan ada *plus* ada *minus*. Tapi pada keseluruhannya Yang Berhormat Yang Di-Pertua adalah pada tahap yang boleh dikatakan baik.

Yang kedua, Fokus Strategik Dakwah Mantap Berkesan. Pertama, dari segi peratus peningkatan jemaah masjid iaitu pada tahun 2023 didapati peningkatan itu sekadar 2% tapi pencapaian pada tahun 2024 pada tahun 2023 yang dikira diketahui pada tahun 2024 melebihi daripada jumlah tersebut iaitu 200 pada tahun 2024 masih dalam proses pengumpulan data.

Yang diberikan keterangan di sini ialah bagi mewujudkan prasarana masjid yang kondusif dan mesra pengguna. Yang telah pun disikan masalah pengguna sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, sampai *aircond* sajuk bukan-bukan menggelatar.

Kemudian pelaksanaannya, pelaksanaan program-program yang diadakan di masjid menjadikan tarikan untuk kehadiran yang bertambah. Kemudian peningkatan kompetensi dan kualiti bagi pegawai-pegawai masjid. Hal-hal itu juga walau bagaimanapun ialah bagi melaksanakan program kefahaman Islam secara berterusan ada dibuat. Kemudian meningkatkan kompetensi pendakwah dengan metedologi dan kerjasama sinergi dari agensi-agensi dakwah dalam dan luar negara.

Yang kedua, dalam Fokus Strategik Dakwah yang Mantap ini ialah jumlah peningkatan penyertaan belia dalam

program keugamaan belia. Ini sangat menggembirakan, iaitu tambahan 200 belia yang boleh dikatakan terlibat kegiatan-kegiatan yang teratur dan tersusun bagi belia-belia bagi memantapkan mereka jangan sampai terpengaruh apa yang diajarkan dari luar *mainstream* kitani.

Dan alhamdulillah, ada program-program yang tertentu dilakukan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah. Tambahan belia setakat ini adalah dalam perkiraannya adalah lebih 1000 dalam kumpulan tersebut dalam berbagai-bagai nama. Pelaksanaan program bengkel yang dengan bengkel dan aktiviti yang melibatkan belia. Semuanya ini, alhamdulillah mendapat kerjasama. Ada yang daripada institusi pengajian tinggi, diambil ataupun memberikan kerjasama sebagai mentor-mentor kepada kumpulan-kumpulan belia. Jadi dengan itu mereka adalah terpimpin, alhamdulillah.

Peningkatan muallaf sahaja agak dipersoalkan di sini barangkali Pehin. Dalam tahun 2024, sebelum masuknya tahun 2024 itu, muallaf adalah setiap tahun didaftarkan 500 orang. Jadi berdasarkan itu pada tahun 2024 pun disasarkan sedemikianlah. Tapi ternyata pada tahun 2024 itu, cuma terdaftar sebanyak 319 orang. Ini satu cabaran, mengapa? Jadi setakat ani data yang terkumpul belum sempurna terutamanya sekali dirujuk pada tahun-tahun sebelum ini, apa namanya itu, orang-orang yang masuk Islam secara keluarga. Jadi satu keluarga mungkin membawa 2 orang, 3

orang, jadi kalau bilangan 100 menjadi 200, 300. Kalau, jadi semua akan disiasat.

Jadi yang kedua ialah kemungkinan itu pada tahun-tahun sebelum itu daripadanya orang pendatang-pendatang yang berkerja di sini dengan pas sementara yang bekerja di sini, jadi melihat pada kemudahan-kemudahan bukan lagi kemudahan dikatakan keistimewaan dengan adanya, apa ani, saguhati kepada orang yang memeluk Islam dan kalau pada Hari Raya mungkin atau memang mendaftar di masjid-masjid, mereka akan dapat agihan Hari Raya. Jadi kalau mereka tinggal di sini 2 tahun maknanya bolehlah bisdia dapat. Atu sebagai andaian jua Pehin tapi data-datanya yang sempurna akan didapatkan dengan sebaiknya. Kerana sasaran 500 sebelum sebelumnya itu menjadi 319 adalah agak juga mengejutkan.

Peratus penduduk yang menuaikan haji bagi pertama kali terus menerus disasarkan 80 % dan dicapai pun 80.3 % pada tahun 2024. Jadi strategi yang ketiga kalau kaola sebutkan ialah Jaminan Keselamatan dan Kesejahteraan Sosial. Ini sebagaimana yang kaola nyatakan tadi kementerian adalah peneraju dan sebahagian peneraju bersama kepada Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial.

Jadi tanggungjawab kementerian dalam hal ani, komitmen kementerian dalam hal ini adalah memang teguh untuk bersama-sama dengan kementerian-kementerian lain terutama sekali Kementerian Belia dan Sukan yang

disana ada JAPEM. Dalam perkiraan fokus mengenai orang yang dinamakan, apa namanya tu, yang patut dijamin kesejahteraan sosialnya dari segi kecukupan kehidupan mereka. Peratus asnaf fakir miskin yang berjaya dalam latihan-latihan ertinya dikeluarkan daripada ,apa namanya tu, kepompong kemiskinan. Disasarkan pada tahun 2024, 65% daripada yang terlatih itu telah berjaya tetapi pencapaiannya seperti dalam sesi yang lalu yang kaola sebutkan tidaklah begitu menggalakkan, bahkan 65% turun kepada 56%.

Jadi cabarannya masih jua di sana sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah untuk menyediakan *mindset* bagi melepaskan diri atau datang daripada mereka sendiri. Program-program yang kitani sediakan ada. Tapi kalau *mindset* mereka tidak bersedia untuk mengikuti program-program itu, itu menjadi masalah. Macam namanya orang *able-bodied* masih jua akan bergantung kepada bantuan-bantuan.

Kalau dari segi zakat, kalau dilihatkan dikaji dari segi kecukupan mengikut KPI nya itu dari segi keperluan makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya, jumlahnya adalah sekian-sekian. Mereka itu memang kerana tidak ada pekerjaan. Tidak ada pekerjaan kerana tidak mahu kerja atau tidak mencari bekerja atau mencari perkerjaan, payah-payah-payah jadi buat sementara itu masuklah mereka dalam golongan asnaf fakir miskin. Jadi hal-hal macam ani adalah cabaran, bukan sahaja

kepada KKBS, bahkan jua kepada kementerian-kementerian yang dalam MKIS dan badan-badan seperti Yayasan sendiri. Hal-hal macam ani menimbulkan. Sebenarnya mengenai kemiskinan ini Pehin kalau kan bercita panjang jadi kaola dapat menyebut rakan-rakan yang seusia atau lebih kurang sedikit dengan kaola untuk menyempati.

Sebenarnya kalau dikira-kira pada tahun 60-an, 70-an untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat pada masa itu, kan mendapatkan orang yang susah kan dibantu, pegawai-pegawai turun ke kampung-kampung, berjumpa ketua kampung bertanya siapa di kampung biskita ani yang dapat bantuan-bantuan? Ialah kalau yang orang tua kebetulan atau orang yang ada berpenyakit tertentu dan sebagainya. Tetapi orang yang daif hidupnya, pendapatannya inda mau tampil ke hadapan. Malu untuk menamakan dirinya sebagai fakir atau miskin malu..

Dan bahkan keluarga sendiri, keluarga-keluarga di sekitarnya yang agak berada sedikit pun memang berasa malu. "Jangan kamu inda tantu-tantu kan memohon, memalukan". Jadi ani suatu sikap, tapi sikap ini tiba-tiba berubah, ya, kalau barangkali kajian-kajian tertentu menunjukkan perubahan itu adalah perubahan cara hidup kitani di samping dengan perubahan pendapatan dan mungkin dengan hal-hal itulah.

Tapi satu faktor yang masih kaola ingat pada tahun, sebelum tahun 2009, iaitu faktornya pada masa itu wang zakat terkumpul lebih ratusan juta Pehin,

sangat banyak. Bukan tidak diagihkan tetapi penagihannya kepada orang-orang miskin bilangannya sedikit, kepada muallaf bilangannya sedikit. Tetapi yang terkumpul yang tidak dibelanjakan ialah fisabilillah kerana dalam asnaf zakat atau 8. Kitani di Brunei cuma 6, jadi fisabilillah atau nda kitani menggunakannya dan Ar-Riqab, orang yang, nya orang kan membebaskan dirinya daripada perhambaannya kitani. Jadi jumlah jumlah atau terkumpul sekian lama di samping jumlah orang yang kira-kira daripada fakir miskin dan muallaf walaupun sedikit.

Tapi oleh kerana kitani ada satu hajat besar, mengetahui ada orang miskin, mengetahui ada zakat yang terkumpul. Dari segi hukum adalah salah, salah bagi negara, bagi kerajaan, menyimpan zakat, menahan zakat tidak dibahagikan kepada orang-orang yang ada, orang-orang yang berhak menerimanya.

Maka kerana itulah, kitani ada semboyan, ok, agihkan zakat yang ada kepada orang-orang yang berhak dan disediakan senarai-senarai yang berhak, mana yang itu, maka, dengan mengetahui ada jumlah yang sebanyak sekian-sekian, maka ramailah orang yang, apa namanya tu, tampil untuk mendapat agihan zakat, sudah berubah.

Walau bagaimanapun, tidak semua mereka itu lulus, kerana penyelidikan yang mendalam berbulan-bulan telah dilakukan. Bagaimanapun mereka akhirnya luluslah, sebahagiannya yang lulus dan telah itu didaftarkan. Maka

daftar itu menyatakan fakir miskin, jadi kitani ada semboyan akan membebaskan Brunei daripada kemiskinan walaupun sehari dengan zakat.

Maka pada tahun 2009, zakat telah diagihkan terus sebegitu banyak dan bukan saja fakir miskin bahkan orang yang al-Gharimin, yang menanggung hutang tertunggak kepada agensi yang anulah, macamnya al-Gharimin, Rancangan Perumahan Negara tertunggak sekian lama maka diberikan bantuan, diberikan agihan.

Begitu juga rumah yang mereka diam di Kampung Bolkiah, Perumahan Yayasan pun juga diberikan peruntukan sekian. Kemudian diperuntukkanlah sekian, kaola masih ingat lagi untuk al-Gharimin bagi tunggakan rumah sahaja sebanyak \$16 juta dan pada masa itu dibelanjakan tidak pun sampai $\frac{1}{4}$ kerana perkiraan awal, kalau mereka duduk di rumah yang masih sekian lama sudah tetapi tertunggak, belum tebayar, tunggakannya dibayar, plus bayaran ke hadapan sehingga membebaskan dirinya daripada hutang piutang seterusnya dan rumah itu akan menjadi miliknya. Tapi hukum, hukum tidak mengizinkan sedemikian. Apa yang Gharimin itu ialah terhutang, apa yang ia terhutang ialah yang tertunggak atau sama ada...

Kemudian mengenai hutangnya ke hadapan, atau akan diketahui kemudian boleh jadi nasib keluarga itu akan berubah, anaknya dapat bekerja dan sebagainya-sebagainya. Jadi itulah

menjadikan, inda, apani bahagian peruntukan \$16 juta itu tidak habis sampai sekarang Yang Berhormat Yang Di-Pertua, masih ada lagi peruntukan al-Gharimin bagi perumahan. Kemudian ada lagi peruntukan yang diperuntukkan, untuk apa namanya tu membangun rumah, mengantikan rumah-rumah yang kumuh, rumah kumuh, rumah yang daif benar-benar. Jadi peruntukan pada masa itu, ada perkiraan-perkiraan sebuah rumah \$50 ribu.

Maka untuk menghadapkan, mendapatkan sebanyak 500 buah disediakan dalam jumlah \$25 juta plus rancangan-rancangan perumahan yang, rancangan-rancangan yang sedang dibuat, yang sedang berjalan. Maka ada sudah jumlah \$30 lebih juta. Jadi semuanya ini digunakan daripada tabung, daripada kumpulan zakat.

Jadi kaola rasa, anilah perubahan yang mendadak, yang diistilahkan nya orang *floodgate*, runtuh, *floodgate*. Jadi bila runtuh *floodgate* inilah mula orang tidak segan-segan lagi merasa kalau susah, miskin ke JAPEM, kalau susah lagi miskin ke Bahagian Baitulmal disebut mereka pada masa tu Majlis Ugama Islam.

Jadi hal-hal sedemikian itulah yang sekarang ani kitani hadapi. Tapi sebenarnya, penyelidikan-penyelidikan pegawai untuk menyiasat mereka itu layak atau tidak memang menunjukkan, menunjukkan kelayakan-kelayakan untuk mereka termasuk dalam golongan yang memerlukan, setelah fakir miskin yang memerlukan perumahan, yang

memerlukan sewa rumah dan sebagainya. Maka sedemikian itu terjadi Yang Berhormat Yang Di-Pertua, mengenai perkara ani.

Jadi, ada tiga minit lagi (*ketawa*), kaola cubalah dan awal ani kalau mau..kaola sekali lagi nya orang ingin jua merespons satu, dua daripada rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Dilantik, kerana di sana itu umpamanya daripada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, pertanyaannya ada tiga, tapi satu yang agak relevan benar untuk dijelaskan di sini ialah peruntukan takmir masjid.

Peruntukan takmir masjid atau ada disediakan tahun ani, jadi apa gunanya? Untuk ke mana kegunaannya? Kaola telah dibekalkan oleh maklumat-maklumat mengenai perkara ani. Kegunaan yang dinamakannya takmir masjid atau sejumlahnya ada juga disebutkan di sana \$19 juta kah? tapi hampir ke 90% adalah untuk emolumen atau gaji, selebihnya adalah untuk program-program masjid. Program masjid yang utama ialah Program Muqaddam, belajar Muqqadam dan belajar al-Quran setiap hari Jumaat.

Di mana melibatkan lebih 658 orang tenaga pengajar. Yang demikian juga, program yang tetap ani ialah Program Muslimah, Bimbingan Muslimah. Jadi banyak masjid melaksanakan program-program ini dan atulah biayanya, membayai, bayai bagi tenaga-tenaga pengajar dan juga program-program, selain daripada bisdia belajar ada majlis-majlis yang mereka adakan.

Sementara takmir masjid sendiri ada peruntukan, peruntukan pejabat, mereka boleh meminta, meminta berdasarkan apa rancangan, apa programnya yang akan mereka laksanakan. Tapi takmir masjid itu, itulah, ada garis panduannya.

Macamtu juga, takmir masjid, malah dibolehkan untuk menggunakan hasil kutipan tabung masjid khas, tabung masjid khas untuk kegunaan masjid dengan secara berpanduan bahkan digalakkan iaitu antaranya ialah kalau perkara-perkara kecil kerosakan masjid, gunakanlah tabung itu.

Janganlah gunakan semata-mata jamuan-jamuan, jamuan kerana bermesyuarat atau pun kerana majlis-majlisan. Jadi atulah yang dapat kaola, yang kaola terangkan dalam perkara ani untuk ia telus diketahui bukan saja oleh Yang Berhormat, oleh yang berkenaan bertanya, menyampaikan pertanyaannya kepada Yang Berhormat dan kepada siapa-siapa yang di luar. Insya-Allah, ia telus.

Kaola menambah sedikit ingin menyampaikan penghargaan kepada Yang Berhormat Awang Lau How Teck. Yang Berhormat ani sangat menarik Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ia bertanya pemakanan dan barang halal tahun lepas ada peruntukannya tahun ani inda ada, jadi apa terjadi? Seolah-olah perkara itu bukan perkara yang penting. Tapi bagi Yang Berhormat sangat penting untuk ditanyakan. Kaola ingin menjelaskan saja, memang ada ia termasuk kerana ia sudah termasuk

dalam apa ni, Jabatan Hal Ehwal Syariah, jabatan, jabatan itu mempunyai bahagian-bahagian, bahagian ada lima atau enam, termasuklah bahagian pemakanan, BKMH. Jadi jumlah yang semuanya ada di dalam Jabatan Syariah termasuk emolumen dan program-programnya yang berulang-ulang adalah dalam kumpulan tersebut.

Jadi maknanya bukannya nada peruntukan, tapi peruntukannya diserapkan kepada jabatan. Dan satu lagi untuk Yang Berhormat Pehin, ia mempunyai saranan yang sangat relevan dan saranan itu kebetulan pula sedang berjalan, dilaksanakan oleh pihak kementerian iaitu supaya mengenai halal ani membuka potensi yang lebih besar kepada kajian-kajian, penyelidikan-penyelidikan iaitu di pusat-pusat pengajian tinggi untuk membuat kajian.

Sebenarnya, sekarang ini sudah berjalan tu Pehin, ertiya bagi KUPU di Kementerian Hal Ehwal Ugama, KUPU untuk menyediakan dari segi kemahiran dalam perkara ani, latihan-latihan kemahiran. Kemudian UNISSA dengan Halalan Thayyiban yang ada di pengajian mereka mempunyai kolaborasi dalam mengembangkan keperluan-keperluan pengajian tersebut termasuklah masa ani beberapa kakitangan yang diperlukan, macamtu juga UBD dan bahkan kakitangan atau pegawai-pegawai Bahagian Makanan Halal ani menjadi sumber *resource* maklumat.

Mereka dihadirkan di dalam acara-acara untuk meningkatkan pengetahuan

mengenai halal di kalangan UTB, ITB dan IBTE. Lagi untuk mengetahuinya bukan sahaja kegunaan akademik bahkan juga bagi kegunaan kalangan yang akademik itu sendiri untuk mengetahui lebih tepat, jadi mereka ini sebagai sumber pengetahuan.

Kaola lebih 3 minit Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mohon maaf. Ada lagi yang akan kaola cakapkan, inda mengapa. Kaola boleh nya orang bertolak behambit dengan yang lain-lain ini Pehin, tolak behambit atau maksudnya Insya Allah, bahan-bahan ani boleh koala kongsikan seterusnya.

Sekian sahaja, kaola mohon maaf dan kitani ani, kan koala tambahlah Pehin ah, masing-masing kitani ani dalam Dewan ani yang duduk di sini atau yang duduk di galeri atau yang memerhati dari luar dan mendengar, memerhati dari luar, kitani semua-semua ani dalam ukuran tugas dan tanggungjawab adalah diukur oleh Allah Ta'ala berdasarkan keupayaan kitani Pehin. (*Ayat al-Quran dibaca*) ani bacaan dalam tahlil ni. *Petikan Surah Al-Baqarah Ayat-286*. Allah Ta'ala tidak akan mentaklif memberikan *tasking* kepada seseorang melainkan berdasarkan keupayaannya untuk melaksanakan *task* tersebut dengan sebaik-baiknya.

Kalau ia melaksanakannya, ia akan mendapat ganjaran baik, pahala. Kalau ia tidak melaksanakannya, apa lagi mencuapkannya, ia akan mendapat ganjaran buruk. Lagi kerana atulah ukuran-ukuran tersebut menjadikan

kitani beringat-ingat bukan sahaja kepada orang bahkan kepada diri kitani sendiri, insya-Allah, mudah-mudahan kitani selamat. Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Ehwal Ugama atas keterangan dan penerangan yang telah pun dikemukakan dan sekarang kita beralih kepada urusan mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Rang Undang-Undang dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan. Perbahasan Peringkat Jawatankuasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang 2025 Perbekalan, 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan. Sekarang, saya tangguhkan persidangan ini dan kita seterusnya akan meneruskan perbahasan Peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang dan Usul, sekarang dibincangkan di Peringkat Jawatankuasa dan kita akan menyambung penelitian ke atas tajuk-tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A, Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tajuk Kementerian Pembangunan, sekarang saya bukakan untuk dibahaskan. Saya akan sebagaimana lazim, akan mempersilakan 18 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbahasan ini yang mana akan saya bahagi kepada 3 kumpulan.

Saya persilakan kumpulan pertama dulu, dimulai dengan Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat diikuti oleh Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub dan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin. Silakan.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola akan membawa Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya iaitu Kod 1219/004 - Menyediakan Pembekalan Air Bersih.

Walaupun peruntukan bajet telah diberikan, kualiti bekalan air masih belum memuaskan dengan masalah air kekuningan yang terus menjaskas isi rumah di beberapa kawasan. Isu ini

berlarutan dari tahun ke tahun, menandakan perlunya pendekatan yang lebih strategik dan mampan.

Brunei sentiasa komited terhadap kesejahteraan rakyatnya dan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan, *Sustainable Development Goal 6* iaitu SDG 6, yang meneru kepada ketersediaan dan pengurusan air serta sanitasi yang mampan untuk semua.

Adalah amat penting bagi kita untuk mengambil langkah tegas dalam memastikan kualiti air yang lebih baik dan mampan untuk semua. Akses kepada air bersih bukan sekadar isu infrastruktur tetapi ia merupakan hak asasi serta tunjang utama kepada kesihatan awam, kestabilan ekonomi dan kelestarian alam sekitar.

Soalan kaola yang pertama, memandangkan peruntukan bajet yang diberikan dalam tahun-tahun sebelumnya masih belum menunjukkan peningkatan ketara dalam kualiti air. Apakah langkah-langkah *concrete* yang diambil bagi memastikan pengurusan bajet yang lebih cekap serta meningkatkan akauntabiliti dalam perbelanjaan?

Yang kedua, apakah faktor teknikal utama yang menyebabkan masalah yang berulang seperti air kekuningan dan apakah penyelesaian segera dilaksanakan bagi menanganinya. Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Haji Awang

Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Alhamdulillah, kaola mengucapkan terima kasih di atas peluang bagi membahaskan Belanjawan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi peruntukan Tahun Kewangan 2025/2026.

Kaola merujuk kepada Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya, Akaun Bilangan 1219, Penyediaan Bekalan Air. Kaola ingin menambah sedikit ni berkenaan dengan, anu ni, air yang mana telah pun dibawakan oleh rakan Yang Berhormat iaitu mengenai dengan kualiti air yang selamat untuk diminum adalah asas kepada kesihatan awam dan kesejahteraan negara.

Terlebih dahulu, kaola menyambut baik dan merakamkan ucapan terima kasih di atas perancangan dalam projek-projek perkhidmatan air Akaun Bilangan 1219/006. Iaitu menaik taraf loji rawatan air dan penyambungan paip air terutama ke semua daerah termasuklah Loji Rawatan Air Batang Duri Daerah Temburong.

Sehubungan dengan ini apabila, apakah dasar-dasar dan perancangan kerajaan secara menyeluruh yang merangkumi semua aspek pengurusan air dari pemuliharaan dan pembekalan secara holistik berkenaan dengan keterjaminan air bersih di Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, kaola membahaskan tentang Tajuk SK07A – Jabatan Ukur, Kod 003/003. Pembuatan dan pengemaskinian carta navigasi. Kaola menyentuh berkenaan dengan isu yang memerlukan perhatian berkenaan dengan penyediaan kawasan-kawasan yang belum menerima Perkhidmatan *GPS, Global Positioning System*.

Keperluan untuk memastikan semua kawasan baik di bandar maupun di luar bandar mempunyai akses kepada teknologi yang menjadi semakin penting. Ini termasuklah kawasan-kawasan di Temburong yang sebahagian besar belum menerima rangkaian *GPS*. Perkara ini pernah kaola suarakan di dalam Dewan yang mulia ini pada musim permesyuaratan yang terdahulu.

Sehubungan dengan ini, apakah perancangan strategik pihak kerajaan mengenai perkara ini, jika sudah ada perlaksanaan mengenainya? Apakah statusnya sekarang?

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang

Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan tahniah pada Yang Berhormat Menteri Pembangunan kerana

berjaya menyediakan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2024/2029.

Kaola tertarik dengan sasaran-sasaran yang telah dibentangkan dalam *strategic plan* ini di mana kementerian telah menetapkan untuk mencapai 80% indeks kualiti, 80% indeks pembangunan dan 80% untuk mencapai indeks pembangunan perniagaan.

Kaola menyokong sepenuhnya inisiatif-inisiatif yang dibentangkan. Sebagaimana yang dimaklumi, di samping melaksanakan projek-projek langsung di bawah kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya selaku Jabatan Teknikal, kementerian juga berperanan untuk melaksanakan projek-projek kementerian dan jabatan-jabatan lain di luar Kementerian Pembangunan.

Ini tidak kira sama ada ia laksanakan secara *in house* melalui lantikan konsultan mahupun kaedah *design and build*. Ianya tidak akan lari dari memerlukan penglibatan jabatan-jabatan teknikal ini. Sama ada di peringkat *preliminary*, perlaksanaan kontrak mahupun pengawal seliaan untuk memastikan mutu kualiti projek adalah terjamin menurut piawaian antarabangsa. Kaola rasa cabaran dihadapi oleh kementerian dan jabatan-jabatan teknikal ini mungkin dari segi pencejajaran dan koordinasi dan *client department* yang mana ada kalanya adalah di luar kawalan jabatan-jabatan teknikal ini.

Namun dalam Belanjawan 2025/2026, kaola perhatikan perbelanjaan biasa misalnya bagi Jabatan Kerja Raya telah

berkurangan sebanyak \$3.6 juta, begitu juga dalam bilangan tenaga kerja, Jabatan Kerja Raya ini pun dikurangkan 48 jawatan.

Ke arah itu, kaola ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Dato mengenai langkah strategik kementerian untuk menseimbangkan keperluan tanggungjawab dan tugas ini dengan kapasiti sumber yang sedia ada terutamanya dalam mencapai sasaran objektif strategik QS3, Memupuk Pembangunan Inklusif tersebut.

Kedua, kaola ingin menyentuh sasaran kementerian dalam memusatkan pembangunan perniagaan tempatan khususnya objektif strategi 8 bagi menggalakkan penyertaan aktif profesional tempatan, pakar teknikal serta pemilik dan pengurus tempatan.

Kaola mengalu-alukan saranan ini kerana Kementerian Pembangunan adalah salah satu agensi yang berperanan untuk meningkatkan penglibatan pihak swasta terutamanya dalam merangsang aktiviti sektor pembinaan dan memudah cara ekosistem perniagaan di negara ini.

Ke arah itu, kaola ingin memohon pencerahan terhadap langkah kehadapan kementerian untuk meningkatkan lagi penglibatan peniaga, pengusaha tempatan dan profesional teknikal secara amnya dan dalam industri pembinaan khususnya sebagai mempraktikkan dasar *local business development* supaya pertumbuhan ekonomi akan berterusan *sustainable* dan lebih inklusif.

Dan yang terakhir, alhamdulillah, kaola perhatikan peruntukan kemajuan pada Belanjawan 2025/2026 terutamanya di bawah JKR telah meningkat sebanyak kira-kira \$22.4 juta, begitu juga dengan peruntukan kemajuan, Jabatan Kemajuan Perumahan juga meningkat sebanyak \$2.3 juta.

Namun jika diamat-amati dalam perbelanjaan biasa, Akaun 2106. Penyelenggaraan dan Pembaikan Aset Jabatan Kerja Raya peruntukannya telah kurangkan sebanyak \$6.2 juta berbanding tahun lepas. Memandangkan banyak bangunan-bangunan yang rosak perlu pembaikan dan pemuliharaan, kaola memohon pencerahan kementerian dari tajuk manakah peruntukan pemuliharaan bangunan-bangunan yang telah usang ini dikenakan dan apakah strategi pihak-pihak yang berkepentingan untuk menangani isu ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong: Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Kaola ingin menyentuh Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya. Menyentuh mengenai isu yang sangat penting memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat iaitu masalah bekalan air bersih. Seperti yang kita sedia maklum, isu bekalan air terjejas bukanlah perkara baharu dan telah beberapa kali berlaku di seluruh negara. Tidak terkecuali Kampung Lumapas juga

turut mengalami masalah yang sama malah pada tahap yang amat membimbangkan. Situasi ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat lebih-lebih lagi apabila mereka menghadapi gangguan bekalan air yang berlarutan dengan ada kalanya sehingga 7 hari berturut-turut.

Kaola ingin mengemukakan persoalan di bawah Tajuk Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Kod 1219/005 iaitu membekal dan memasang paip air *inlet* baru ke Tangki Simpanan Lumapas Daerah Brunei dan Muara. Kaola mengambil maklum, wujudnya tangki ini yang telah lama beberapa tahun lalu tetapi tersebut yang telah dibina beberapa tahun lalu tetapi tidak pernah digunakan sejak siap pembinaannya.

Tangki tersebut yang sepatutnya menjadi solusi kepada masalah bekalan air masih belum dimanfaatkan. Kaola juga dimaklumkan bahawa struktur tanah di kawasan tersebut mempunyai isu seperti tanah runtuh.

Kaola ingin memohon penjelasan mengenai status keberadaan tangki air tersebut serta penjelasan mengenai perkara ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan kualiti bekalan air di Kampung Lumapas dan sekitarnya. Adakah pihak kementerian mengenal pasti aktiviti tanah di kawasan tersebut agar kerja-kerja yang dijalankan tidak terjejas?

Yang kedua, SK06A - Jabatan Tanah. Sering kali kaola menerima aduan orang kampung mengenai pengusaha menembok tanah tidak mematuhi peraturan dan garis panduan yang diberikan. Sebagai contoh muatan trak mengangkut tanah berlebihan serta tidak memasang penutup. Ini boleh menjelaskan keselamatan pengguna jalan raya yang mana tanah-tanah tersebut gugur ke jalan raya yang menyebabkan jalan raya menjadi kotor dan lebih bahaya jika ianya mengenai kenderaan. Oleh itu, kaola menyarankan pihak yang berkenaan supaya membuat pemantauan agar perkara-perkara ini tidak akan terjadi.

Sekian sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmani Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi di atas ruang perbahasan bagi perbelanjaan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya Tahun Kewangan 2025/2026.

Kaola merujuk kepada Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya Akaun bilangan 1215 – Menangani Risiko Menghadapi Bencana Alam, Kemudahan Awam dan Alam Sekitar serta Pengaliran Air bagi projek-projek RKN12 di Daerah Tutong.

Kaola menyambut baik usaha-usaha pihak kerajaan ke arah menangani

masalah banjir dan bencana alam di kawasan Mukim Pekan Tutong, Mukim Keriam dan Kampung Danau. Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan berkenaan status pelaksanaan projek-projek pada masa ini dan bilakah ianya dijangka siap?

Seterusnya kaola merujuk kepada rancangan bagi menangani isu banjir di Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang yang masa ini respons daripada pihak kementerian mengenai bahawa melalui kerjasama daripada BEBD bagi membuat kajian dan membina kolam-kolam takungan air mengikut kesesuaian selain daripada itu penggunaan *micro hydropower* adalah antara yang ditimbulkan.

Akhirnya kaola memohon pencerahan berkenaan dengan peruntukan bagi kerja-kerja menaik taraf dan pembaikan infrastuktur yang melibatkan Mukim Ukong termasuk Kampung Ukong, Kampung Sungai Damit Pemadang, Kampung Bukit dan Kampung Long Mayan yang mana kebanyakan infrastuktur yang sedia ada mengalami kerosakan dan memerlukan pemeliharaan dan pumbaikan serta penaiktarafan seperti jalan raya, longkang-longkang serta kemudahan lampu-lampu jalan dan sebagainya.

Kaola memohon pencerahan apakah perancangan pihak kerajaan di dalam menyediakan peruntukan bagi kemajuan di kawasan luar bandar khususnya di dalam penyediaan prasarana infrastuktur yang lebih kondusif

termasuklah di dalam menangani isu-isu alam seperti banjir. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. Tajuk SK02A Kod 003/001 – Pengurusan dan Pemeliharaan Estet kawasan RPN.

Mengikut maklumat yang kaola terima kerja-kerja memotong rumput di kawasan RPN adalah diberi kepada kontraktor-kontraktor Brunei. Akan tetapi hakikatnya mengikut pemerhatian kaola dan juga penduduk setempat, pekerja-pekerja memotong rumput dalam kawasan RPN adalah warga asing.

Kaola percaya pensyaratannya dalam kontrak memang setentunya menggalakkan pekerja terdiri daripada warga tempatan. Besar kemungkinan alasan syarikat ialah kerana orang tempatan kitani tidak sanggup untuk membuat kerja memotong rumput ini. Ada sesetengah syarikat tempatan menyerahkan sepenuhnya operasi syarikat kepada penyelia warga asing dan kawalan terhadap operasi ini kurang daripada pemilik syarikat berkenaan.

Seperti yang kitani maklumi ada terdapat sekumpulan orang-orang kitani yang pernah menawarkan kerja pemotongan rumput, ada juga yang kaola jumpai dari kalangan mereka yang kurang kemampuan tetapi hidup bersemangat membuat kerja potong rumput ini untuk

menyara hidup mereka. Dalam hal ini, kaola percaya kerja-kerja memotong rumput ini boleh dibuat oleh warga tempatan kerana ia bukannya jenis *hard labour* seperti buruh kasar dalam sektor pembangunan. Hanya yang mungkin menyebabkan mereka ini tidak dapat diberikan kontrak ialah isu tadbir urus mereka yang perlu bimbingan dan juga mungkin mereka ini kalah dalam proses *tender* di mana tawaran syarikat yang dikendalikan oleh warga asing adalah lebih jauh rendah kerana pekerja asing yang bekerja sanggup diambil gaji yang lebih rendah.

Mungkin perkara ini nampak kecil akan tetapi jika ia dicari jalan penyelesaiannya dapat dengan memastikan pekerja memotong rumput itu adalah kalangan orang Brunei ianya akan dapat juga menyelesaikan isu warga asing *mushrooming* di sektor yang lain.

Sehubungan dengan ini jika tidak kepada Kementerian Pembangunan dan beberapa kementerian yang berkaitan, kaola ingin mencadangkan untuk kerja memotong rumput dalam kawasan RPN dan STKRJ diberikan kepada MPK atau koperasi untuk menguruskan dan menjalankan operasi dengan kosnya ditanggung oleh kerajaan mengikut peruntukan yang ada sekarang.

Bagi kawasan yang di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Perumahan dan juga kementerian yang lain prasarana dan bangunan mereka dalam kawasan RPN dan STKRJ. MPK koperasi adalah diberi

tanggungjawab untuk memastikan semua pekerjaanya terdiri dari orang tempatan kitani. MPK koperasi bagi kawasan tadahan masing-masing bolehlah bekerjasama dengan Ketua Kampung untuk mengenal pasti anak-anak buah kampung yang sanggup untuk membuat kerja memotong rumput ini ataupun dari kumpulan-kumpulan orang kitani yang sudah bersedia untuk melaksanakan kerja memotong rumput.

Untuk memastikan kerajaan juga akan dapat menjimatkan belanja dan beri peluang ini kepada anak tempatan terutama sekali bagi mereka yang kurang kemampuan hidup seperti penderma JAPEM, JUZWAB dan lain-lain.

Jabatan-jabatan lain juga di mana prasarana mereka terletak dalam kawasan RPN, STKRJ seperti masjid, MORA, sekolah, MOE, pondok polis, JPM, bomba, MOHA dan sebagainya. Bolehlah memberikan kontrak atau kerja memotong rumput kawasan prasarana mereka kepada MPK koperasi di bawah tadahan mereka. Demi untuk memastikan cadangan kaola ini untuk dipantau keberkesanannya kaola cadangkan satu projek perintis, *pilot* untuk dibuat terlebih dahulu melibatkan satu kawasan RPN di setiap daerah di negara ini.

Yang kedua, kaola ada lima perkara mengenai dengan Skim Perancangan Perumahan Negara dan isu juga rumah-rumah dibangunkan dalam kawasan RPN:-

Pertama, isu penerima rumah RPN yang menyewakan rumah-rumah mereka kepada orang lain untuk mengaut keuntungan padahal lebih ramai lagi mereka yang masih menunggu untuk mendapatkan rumah ku syurgaku. Apakah dasar dan langkah Kementerian Pembangunan dalam menangani perkara ini?;;

Kedua, isu pemberian rumah RPN di mana pemohon yang diperkenan awal lambat diperuntukkan rumah dari pemohon yang diperkenan lewat. Perkara ini boleh dirujuk dari aduan-aduan yang diterima melalui media sosial sebelum ini dan juga hasil dari aduan diterima dari segelintir dari penerima rumah RPN yang lama menunggu giliran dan baru dapat rumah.

Kebanyakan mereka ini memaklumkan yang penerima yang dapat rumah awal itu bergaji lebih tinggi daripada mereka yang belum dianugerahkan. Kaola difahamkan bahawa penganugerahan rumah RPN ini seperti yang mengikut giliran pemohon dan diperkenanan. Persoalan kaola apakah tindakan Kementerian Pembangunan untuk meneliti perkara ini secara dalaman dan menangani isu ini bagi mengelakkan ketidakseragaman ini?

Ketiga, isu pemohon yang telah lama menunggu dan baru dapat rumah RPN akan tetapi hanya punya singkat waktu, lima hingga sepuluh tahun sahaja sebelum pencen atau melaksanakan skim pembayaran balik kepada kerajaan. Kaola ingin cadangkan pihak kerajaan

untuk menubuhkan satu skim tabungan bayaran balik rumah RPN bagi pemohon yang telah diperkenankan walaupun rumah belum lagi dibangun, mereka ini sudah mula untuk menabung dan apabila tiba masa mereka diperuntukkan rumah RPN mereka ini tidak akan terbeban dan singap-singap untuk membayar bayaran yang lebih tinggi sebelum mereka pencen.

Keempat, isu reka bentuk struktur rumah-rumah di RPN Lugu yang baharu yang lain daripada rumah RPN sebelum ini. Kaola difahamkan oleh sesetengah pemilik rumah-rumah di sana yang kurang arif mengenai dengan aspek reka bentuk teknikal rumah mereka mengalami cabaran untuk memasang peralatan dan kemudahan rumah seperti penghawa dingin, *water heater* dan lain-lain yang melibatkan *drilling* dan pembuatan lubang kecil di dinding.

Ini membabitkan isu keselamatan pemilik dan juga kontraktor yang melaksanakan pemasangan. Soalan kaola adakah pemilik rumah RPN ini diberikan salinan lukisan pelan yang menunjukkan kedudukan paip dan *wire* elektrik seluruh rumah dan kabel dan paip besar yang disambung dari sumber utama eletrik dan air ke rumah. Kaola percaya dengan adanya lukisan teknikal ini akan memudahkan kontraktor untuk meneliti terlebih dahulu tempat yang terbabit sebelum melaksanakan kerja-kerja tambahan dan pemasangan.

Kelima, izinkan kaola Yang Berhormat Pengerusi. SK Tajuk 02A 002/000

mengenai dengan jumlah jurutera yang ada di Jabatan Kemajuan Perumahan. Kaola juga merujuk jawapan Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada sesi pertanyaan bagi jawapan lisan Lisan PL122 bertarikh 13 Mac 2025.

Persoalan kaola, apakah tugas-tugas tiga belas jurutera jabatan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka? Ini memandangkan semua kerja kejuruteraan bagi pembangunan rumah di dalam RPN telah diserahkan kepada jurutera yang bertauliah di sektor swasta. Kaola juga musykil kalaualah sekiranya ada tugas-tugas yang dikhaskan, kenapa aduan-aduan pemilik rumah RPN yang baru menerima kunci, khusus kaola rujuk RPN Lugu yang mana kerja-kerja pemeliharaan dan pemberian kerosakan masih di bawah jangka masa *warranty, defect liability period* tidak ditangani bersama dengan kontraktor yang membangun rumah berkenaan.

Kaola juga sarankan jurutera-jurutera ini untuk turun padang sepanjang tempoh *warranty* bagi menghulurkan bantuan kepada pemilik-pemilik yang kurang arif tentang hal ehwal teknikal bangunan untuk menyelesaikan isu mereka dengan kontraktor yang membangun rumah-rumah berkenaan. Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengurus: Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin boleh balik bernafas seperti biasa. (*para hadirin dalam Dewan ketawa*). Sekarang (*tergelak kecil*), kita beralih kepada kumpulan yang kedua,

yang akan dimulai oleh Yang Berhormat Awang Lau How Teck, diikuti pula oleh Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, kemudian Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed. Silakan.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk Tajuk SK03A Jabatan Kerja Raya di bawah Kod 1215 bagi Pelaksanaan Projek Mitigasi Banjir dan Sistem Pengairan bagi kawasan-kawasan terutama dan Kod 1219 Bekalan Air Bersih.

Sehubungan dengan itu, kaola melihat keperluan untuk memastikan sistem bekalan air yang konsisten, stabil dan bertekanan tinggi bagi sektor yang mempunyai keperluan besar seperti kilang pemprosesan makanan dan kawasan penternakan yang memerlukan air lebih jumlah besar kerana industri ini memerlukan tekanan air yang lebih tinggi untuk operasi harian. Air bukan sahaja digunakan untuk keperluan ternakan tetapi juga dalam penyelenggaraan kebersihan dan sistem pemprosesan. Oleh itu, usaha meningkatkan tekanan air di kawasan ini perlu menjadi sebahagian daripada pelan penaiktarafan sistem bekalan air yang, pengedaran air dengan mengambil kira keperluan operasi industri yang memerlukan kapasiti air yang lebih tinggi berbanding kawasan kediaman biasa.

Selain itu, bagi Kod 1216 Kemudahan Awam Untuk Urusan Melalui Jalan Darat. Peruntukan ini merangkumi projek penaiktarafan rangkaian jalan kampung dan kawasan perniagaan. Kaola melihat keperluan untuk memastikan penyelenggaraan jalan raya di kawasan komersil dijalankan secara lebih terancang dan selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan. Dalam beberapa kes, pemilik premis perniagaan telah mengambil inisiatif untuk menyelenggara jalan di sekitar premis mereka.

Namun, apabila dinilai oleh pihak berkuasa, ada yang didapati tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan. Bagi memastikan penyelesaian yang lebih baik antara pemilik premis dan pihak berkuasa dalam aspek penyelenggaraan jalan, kaola mencadang agar garis panduan yang lebih jelas dan *standard* penyelenggaraan dalam dikomunikasikan secara lebih sistematik kepada pihak berkepentingan. Ini boleh dilakukan melalui platform komunikasi yang lebih efektif antara Jabatan Jalan Raya dan pihak premis komersil termasuk menyediakan dokumen rujukan yang boleh diakses dengan mudah bagi memastikan kerja penyelenggaraan yang dilakukan oleh pemilik premis-premis selaras dengan spesifikasi teknikal yang tetap oleh pihak berkuasa. Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum

warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola merujuk SK06A Jabatan Tanah, Kod 001/00 Pentadbiran dan Pengurusan. Merujuk kepada Tajuk SK06A, pada masa ini terdapat kekurangan inventori tanah yang komprehensif dan terkini yang merangkumi status tanah termasuk mengenai kegunaan semasa dan keadaan fizikalnya. Oleh itu, kaola cadangkan perlu ada *land bank*, satu rancangan strategi jangka panjang, contohnya dua puluh tahun yang mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan bagi memenuhi keperluan pembangunan pelbagai sektor baik pada masa kini maupun pada masa hadapan.

Langkah ini akan memastikan perancangan penggunaan tanah yang lebih optimum bagi pembangunan mapan serta membantu mengenal pasti kawasan berpotensi yang masih belum diterokai. Selain itu, Petunjuk Prestasi Utama, KPI yang jelas perlu diperkenalkan bagi memastikan inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. KPI ini boleh digunakan untuk memantau kemas kini inventori tanah, menilai tahap penggunaan tanah secara optimum serta memastikan perancangan pembangunan selaras dengan keperluan jangka panjang dan kelestarian alam sekitar.

Sebagai cadangan *land bank* ini boleh merangkumi tanah kerajaan yang tersedia dan berpotensi untuk pembangunan termasuk mengenal pasti

kawasan yang sesuai untuk projek tambakan tanah, *land reclamation*. Setiap daerah juga perlu mempunyai inventori tanah yang mengenal pasti kawasan khusus bagi pembangunan masa depan supaya perancangan dapat dibuat dengan lebih sistematik dan terarah.

Seterusnya, KPI bagi Sistem Pengurusan Tanah. Dengan semakin berkurangnya kawasan tanah yang mudah dibangunkan, adakah pihak Kementerian Pembangunan mempunyai sistem pemantauan yang komprehensif untuk mengawasi peruntukan dan ketersediaan tanah serta memastikan pengurusan tanah dilakukan secara sistematik dan mapan? Bagaimanakah kerajaan menangani isu tanah yang telah diperuntukkan tetapi tidak dibangunkan yang boleh menyebabkan ketidakcekapan dalam penggunaan tanah serta menghalang pembangunan yang optimum? Adakah terdapat mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan tanah yang diperuntukkan digunakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan?

Selain itu, apakah petunjuk prestasi utama yang digunakan untuk menilai keberkesanan sistem pengurusan tanah ini? Khususnya dalam memastikan pembangunan tanah selaras dengan keperluan semasa dan jangka panjang. Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memperkenalkan dasar atau insentif bagi menggalakkan pemilik tanah supaya membangunkan tanah yang diperuntukkan dalam tempoh masa tertentu bagi mengelakkan tanah terbiar

dan dimanfaatkan? Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ada beberapa soalan yang ingin disoalkan untuk keterangan. SK02A Jabatan Kemajuan Perumahan, ada mempunyai Petunjuk Prestasi Utama, yakni jumlah rumah kosong yang belum diperuntukkan disebabkan mengalami kerosakan yang mempunyai *baseline* 1,038 buah rumah. Ini tidak termasuk aset-aset rumah-rumah atau flat-flat kerajaan yang kosong di setiap daerah. Merujuk kepada *KPI* yang ditetapkan, tiada sasaran bagi tahun 2025 sedangkan sasaran pada tahun-tahun sebelumnya adalah 30 dan 40 dan 30%.

Kaola nampak tiada sasaran juga, yang ditetapkan untuk *KPI* membaiki rumah-rumah, flat aset kerajaan yang kosong rosak, kita tidak mengetahui berapa jumlah rumah-rumah kosong yang rosak setakat ini. Sehubungan yang pernah dicadangkan dalam sesi muzakarah atau mesyuarat yang terdahulu, kaola menekankan sekali lagi cadangan agar rumah-rumah kerajaan yang kosong dan rosak ini diperbaiki dan jika tidak untuk digunakan untuk penjawat kerajaan supaya mereka keluar dari rumah-rumah yang disewa kerajaan. Boleh difikirkan untuk keperluan masyarakat setempat atau sebagai ofis premis, kedai runcit melalui *public private partnership* atau koperasi atau seumpamanya.

SK03A – Jabatan Kerja Raya – RKN \$140 juta. Ini Tajuk penglibatan kontraktor tempatan dalam projek mega. Semasa muzakarah, Yang Berhormat Menteri menyatakan kementerian ada 97 projek dalam RKN Ke-12 dan 122 projek kementerian lain yang dilaksanakan oleh kementerian. Memandangkan ekonomi negara masa kini yang kurang memberangsangkan dan kurangnya projek-projek besar, *private*, persendirian, industri pembangunan dan pengusaha tempatan berharap penuh akan pelaksanaan projek-projek kerajaan dalam RKN untuk *survival* dan *competitiveness* mereka untuk kesinambungan kontraktor pembinaan dan pengusaha-pengusaha tempatan kaola berpendapat sudah masanya kementerian mengkaji semula strategi penganugerahan tender-tender projek mega agar dapat dipecahkan kepada pakej-pakej yang bersesuaian untuk memastikan kontraktor-kontraktor tempatan mendapat ikut serta dan mampu menyertai prosedur tender biasa tanpa mengurangkan kualiti projek.

SK04A – Jabatan Perancang Bandar dan Desa – RKN \$500 ribu - *Land Availability Study* Dalam Perancangan Pelan Induk Guna Tanah, NLUP, *National Land Use Master Plan* yang akan merangkumi penggunaan tanah untuk 20 tahun yang akan datang, apakah pengajian yang telah dipelajari daripada pelan sebelumnya? Dan apakah perbezaan utama antara pelan dulu dan yang baharu? Bagaimanakah pihak kementerian memastikan pelan-pelan itu selaras dengan rancangan pembangunan

di peringkat daerah terutama sekali pembangunan di atas tanah persendirian agar mengintegrasikan isu-isu perubahan iklim dan dasar-dasar Perancangan Guna Tanah. Amat penting untuk pihak Jabatan mengambil iktibar daripada pelan terdahulu serta melibatkan orang-orang awam dan *stakeholder consultation* bagi kepentingan bagi memastikan pembangunan bandar dan daerah yang mampan dan berdaya tahan untuk masa depan. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, Terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih diatas peluang bagi membahaskan Belanjawan Peruntukan Kewangan, Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 2025/2026 dan diharapkan agar pihak Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya memberikan perkhidmatan yang cekap dan efisien dalam melaksanakan yang teratur serta profesional.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola menyentuh berkenaan dengan Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya. Kaola menyambut baik dan merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kerajaan melalui projek-projek yang akan dilaksanakan di Daerah Belait. RKN ke-12 termasuklah akaun bilangan 1217

- Menaik taraf dan Meningkatkan Kadar Penyambungan Sistem Pembetungan dan Pembersihan. Akaun bilangan 1219
- Menyediakan Pembekal Air Bersih. Kaola mengharapkan agar projek-projek ini dapat meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Seterusnya kaola merujuk Akaun bilangan 1221 – Pelan Induk Sains dan Teknologi, Penyediaan dan Pembangunan dan Inovasi, 1221-002 – Kajian Bagi Pelan Induk Saliran Pengurusan Dataran Banjir Daerah Temburong dan Sungai Belait yang peruntukannya bajet sebanyak \$3 juta dalam RKN ke-12. Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan, apakah skop kajian yang dilaksanakan dan apakah ianya melibatkan tenaga-tenaga pakar luar negara dan apakah kajian ini meliputi seluruh kawasan Daerah Belait? Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin merujuk kepada Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya - Kod 1216 – Mengenai Kemudahan Awam untuk Urusan Melalui Jalan Darat. Isu jalan raya sering menjadi tumpuan kerana kepentingannya dalam menjamin keselamatan dan kelancaran pergerakan termasuk penduduk di luar bandar. Kaola menghargai usaha berterusan pihak kementerian dalam menyelenggara dan menaik taraf jalan raya, namun kaola

percaya ada ruang untuk kita mengoptimumkan kaedah pelaksanaan agar keberkesanannya lebih mampan. Kita boleh melihat bagaimanakah, bagaimana langkah pencegahan dan pemantauan awal dapat dipelaksanakan agar pembaikan tidak hanya bersifat reaktif tetapi lebih terancang dan sistematik. Sebagai contoh, satu jadual penyelenggaraan berstruktur berdasarkan ketahanan permukaan jalan, dan kadar penggunaan boleh diwujudkan supaya masalah yang sama tidak berulang setiap tahun.

Selain itu, memandangkan jalan raya kampung sering mengalami kerosakan akibat hujan lebat dan penggunaan kenderaan berat, teknologi bahan binaan yang lebih tahan lasak dan sesuai dengan keadaan setempat boleh dipertimbangkan. Penggunaan bahan alternatif seperti campuran *polymer* atau *technique cold mix asphalt* yang lebih *flexible* terhadap perubahan suhu boleh mengurangkan keperluan pembaikan yang kerap malah, pendekatan ini bukan saja dapat meningkatkan jangka hayat jalan raya tetapi juga mengoptimumkan peruntukan yang diperuntukkan untuk pembaikan secara lebih strategik.

Kaola berharap perkara ini boleh dipertimbangkan dan kementerian mengambil langkah yang lebih progresif dalam rangka pelan jangka panjang yang mengambil kira faktor cuaca, tahap penggunaan, serta ketahanan infrastruktur. Dengan pendekatan ini, kita dapat memastikan jalan raya bukan sekadar berfungsi untuk kemudahan harian tetapi juga sebagai infrastruktur

yang lebih mampan dan tahan lama demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan luar bandar. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membahaskan Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya khususnya Kod 1215 – Menangani Risiko Menghadapi Bencana Alam, Kemudahan Awam dan Alam Sekitar di bawah Perbelanjaan Kemajuan. Dalam menghadapi cabaran perubahan iklim, serta peningkatan keperluan infrastruktur yang tahan bencana, kaola menghargai usaha kerajaan dalam meningkatkan ketahanan infrastruktur awam terhadap risiko bencana.

Keutamaan yang diberikan kepada pengukuhan sistem saliran, pembangunan kemudahan sokongan dan kawalan impak alam sekitar mencerminkan kesedaran terhadap keperluan membina persekitaran yang lebih berdaya tahan. Namun, dalam konteks kemudahan awam dan keselamatan infrastruktur, kaola berpandangan bahawa tumpuan kepada ketahanan struktur bangunan dan kemudahan kritis terhadap kejadian alam perlu diberikan perhatian lebih mendalam.

Negara kita bukan sahaja berhadapan dengan isu perubahan corak cuaca ekstrim tetapi juga cabaran dalam menjamin keselamatan jangka panjang bangunan kerajaan, sekolah, hospital

dan infrastruktur penting lain. Kaola ingin mencadangkan agar penilaian risiko struktur dilakukan secara lebih berkala terhadap bangunan dan kemudahan kritikal dengan mengambil kira faktor keusangan, ketahanan terhadap gempa bumi berskala rendah, daya tahan terhadap angin kencang serta keselamatan daripada risiko kebakaran dan hakisan tanah.

Walau pun negara kita tidak terletak di zon gempa bumi yang aktif, pergerakan tanah akibat pembangunan yang pesat, aktiviti kuari dan hakisan di kawasan berbukit boleh memberi impak kepada kestabilan bangunan lama. Oleh itu, pengauditan dan penilaian kejuruteraan secara sistematis perlu dipertingkatkan untuk memastikan infrastruktur awam kekal selamat dan sesuai untuk kegunaan jangka panjang.

Selain itu, kaola ingin menekankan kepentingan daya tahan kemudahan awam terhadap kesan perubahan iklim dengan peningkatan suhu *global* dan perubahan pola hujan, kemudahan awam seperti jalan raya, jambatan dan struktur jejantas perlu direka bentuk untuk menahan suhu ekstrem dan hakisan akibat cuaca. Dalam hal ini, penggunaan bahan binaan yang lebih tahan, penggunaan bahan binaan yang lebih tahan lama serta amalan reka bentuk yang mengambil kira perubahan alam sekitar perlu dijadikan sebahagian daripada keutamaan dalam projek pembangunan infrastruktur.

Kaola juga berpandangan bahawa sistem pemantauan keselamatan bangunan perlu ditambah baik dengan menggunakan, dengan menggunakan teknologi moden. Banyak negara telah mula menggunakan sensor struktur dan sistem *Internet of Things, IOT* bagi mengesan tekanan atau ketidakseimbangan pada bangunan dan jambatan secara *real time*.

Kaola ingin mencadangkan agar teknologi ini diterapkan secara berperingkat di lokasi-lokasi kritikal seperti sekolah, hospital dan bangunan pentadbiran utama bagi memastikan sebarang tanda-tanda awal kelemahan struktur dapat dikesan lebih awal sebelum membawa kepada insiden yang lebih serius. Selain aspek kejuruteraan dan pemantauan, kaola berpandangan bahawa pendekatan pembinaan hijau dan mesra alam perlu menjadi sebahagian daripada usaha menangani risiko terhadap kemudahan awam. Negara-negara maju telah mula menerapkan konsep bangunan tahan bencana yang bukan sahaja kukuh tetapi juga lebih cekap tenaga dan mesra alam. Kaola ingin mencadangkan agar konsep ini dijadikan sebahagian daripada dasar reka bentuk infrastruktur negara termasuk dalam pembinaan bangunan kerajaan, sekolah dan pusat kesihatan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat dan sekarang kumpulan yang ketiga, saya akan menjemput Yang Berhormat

Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, silakan.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Kaola mulakan dengan Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya dengan merujuk kepada salah satu prestasi, Petunjuk Prestasi Utama yang ditetapkan bagi Kod: 002/001 – Pengurusan Jalan Raya dengan perbelanjaan anggaran \$14,290, 806.00 iaitu mengekalkan kualiti jalan raya dan standard keselamatan di peringkat antarabangsa.

Mengenai piawaian kualiti antarabangsa permukaan jalan raya beraspal bagi lebuh-lebuh raya dan jalan-jalan utama yang mencapai *International Roughness Index, IRI* yang kurang 2.5. Pencapaian sebenar bagi Tahun Kewangan 2023/2024 dan anggaran serta sasaran bagi tahun-tahun kewangan seterusnya sehingga 2028 kekal mendatar pada kadar 40 peratus.

Kaola memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Pembangunan,

apakah asas pertimbangan pihak kementerian dalam menetapkan sasaran yang rendah dan mendatar ini? Dan apakah cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan inisiatif yang telah dirancang untuk meningkatkan kualiti jalan-jalan raya utama di negara ini.

Selain jalan-jalan utama, sejauh manakah pihak kementerian memantau dan menguatkuaskan piawaian keselamatan dan kualiti jalan raya di premis-premis perniagaan milik persendirian yang terletak di sekitar Bandar Seri Begawan. Contohnya seperti di kawasan-kawasan Batu Satu, Kiulap dan Gadong. Kondisi jalan-jalan raya yang tidak memuaskan ini dengan kerosakan-kerosakan berterusan yang dibiarkan tidak diselenggarakan untuk tempoh masa yang agak lama boleh mengakibatkan risiko dari aspek keselamatan dan keselesaan pengguna. Khususnya apabila berlaku kecemasan. Dalam masa yang sama, ianya juga menjasikan imej negara memandangkan kawasan-kawasan ini adalah antara kawasan tumpuan penginapan pelancong-pelancong yang datang ke negara ini.

Tajuk seterusnya ialah SK04A – Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Kod 003/000 – Kawalan Kemajuan dengan peruntukan \$15 ribu. Dalam kesempatan ini, kaola ingin merujuk kenyataan Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengenai konsep pembangunan bercampur yang dikemukakan semasa memberikan maklum balas mengenai pertanyaan salah seorang rakan Ahli

Yang Berhormat pada hari Selasa, 11 Mac yang lalu. Matlamat konsep pembangunan bercampur ini menurut Yang Berhormat Menteri adalah untuk mewujudkan persekitaran yang mampan dan inklusif dalam mana para penduduk boleh bekerja, beriadah dan mendapatkan perkhidmatan dalam tempat yang sama sebagai contoh sepertimana yang ada di kawasan Batu Satu.

Dalam hal ini, terlebih dahulu kaola menyatakan sokongan kaola pada apa jua bentuk dan konsep pembangunan yang diterapkan di negara ini, namun dalam pada itu aspek-aspek pemeliharaan alam sekitar, keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya dan penduduk di sekitar kawasan pembangunan mestilah diambil kira dan menjadi keutamaan.

Kaola merujuk kepada contoh pembangunan, konsep pembangunan di kawasan Batu Satu dan juga pembangunan di kawasan-kawasan lain yang tidak ataupun kurang berkoordinasi menyebabkan pengguna jalan raya dan penduduk persekitaran meletak kereta di kawasan-kawasan yang membahayakan di sepanjang jalan raya. Keadaan ini menyulitkan laluan pengguna-pengguna jalan raya lain dan mengakibatkan kesesakan terutama sekali bagi kenderaan-kenderaan kecemasan seperti ambulan dan bomba jika berlaku sebarang kecemasan. Oleh itu, mohon pencerahan apakah langkah-langkah yang perlu dipertimbangkan oleh pihak kementerian dalam memastikan

kemajuan pembangunan ini tidak menjegaskan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya lain dan penduduk sekitarnya. Penguatkuasaan undang-undang yang tegas juga amat penting dalam memastikan semua pihak mematuhi peraturan dan undang-undang yang ada.

Akhir sekali kaola merujuk Tajuk SK01A – Jabatan Kementerian Pembangunan. Antara objektif program adalah untuk meningkatkan dan memperkembangkan kompetensi pegawai dan kakitangan serta meningkatkan kapasiti melalui program latihan yang bersesuaian.

Memandangkan negara menekankan kepentingan pendidikan dan kemahiran *STEAM* sebagai pemangkin pembangunan negara dan sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap profesional teknikal serta projek-projek pembinaan dan pematuhan piawaian teknikal, kaola ingin mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan menerajui misi untuk meningkatkan kualiti dan kecemerlangan teknikal *professionalism* di negara ini.

Ini boleh dilaksanakan dengan pendedahan meluas untuk menarik minat kanak-kanak bermula dari peringkat sekolah rendah melalui kerjasama padu dengan Kementerian Pendidikan dan Pusat *STEAM*. Manakala bagi profesional pendidikan teknikal muda yang ada, pihak kementerian hendaklah memberikan peluang kepada mereka ini untuk meningkatkan tahap *professionalism* dan kemahiran mereka

melalui program-program seperti *mentorship scheme* dan lain-lain program berbentuk *knowledge transfer*. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mohon maaf kerana mengambil masa 1 minit.

Yang Berhormat Awang Salleh bin Haji Othman: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola menyentuh berkenaan dengan Tajuk SK06A – Jabatan Tanah, Kod 002/001, e-Tanah, Pembangunan Sistem Permohonan dan Bayaran. Kaola menyambut baik sistem e-Tanah yang merupakan platform digital, yang dibangunkan bertujuan untuk memudahkan urusan berkaitan tanah termasuklah memohon pindah milik, pendaftaran hak milik dan transaksi tanah lain.

Sistem ini sekali gus dapat mempertingkatkan keberkesanan pentadbiran tanah serta meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai. Sistem ini juga diguna pakai oleh negara-negara maju, ke arah memantapkan perkhidmatan kepada orang ramai. Namun pada itu, kaola belum lagi nampak sistem e-Tanah Brunei Darussalam yang dimaksudkan ini di mana-mana aplikasi platform telefon mudah alih ataupun *smart phone*. Apakah ianya sudah dilancarkan dan dilaksanakan?

Seterusnya, masih lagi terdengar tentang rungutan orang ramai berkenaan dengan isu kelambatan di dalam proses permohonan pindah milik dan hak milik tanah. Merujuk kepada Petunjuk Prestasi

Utama jabatan berkenaan dengan peratus kepuasan hati pelanggan melalui anggaran dan peratus sebenarnya, tidak menyatakan secara *detail* berkenaan apa.

Sebagai pandangan, kaola mencadangkan agar peraturan dan sistem dan syarat-syarat tanah terkait dengan sebarang akta tanah yang sedia ada, agar dapat dikaji semula mengikut keperluan semasa ke arah mempercepatkan urusan, ke arah menjadikan ia lebih mudah dan mesra pengguna. Sekian sahaja dan mohon pencerahannya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md Yusof: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk kepada Tajuk SK08A – Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi di bawah Kod 004/000 – Pengurusan Kawalan dan Pencemaran di bawah Tajuk tersebut.

Di bawah Tajuk ini, di antaranya *programmer* memastikan pengurusan pembuangan sisa pepejal dan pelupusan sisa buangan dilaksanakan dan dikawal selia dengan lebih teratur, berkesan dan bersepadu. Kaedah pelupusan sisa buangan dan pepejal di negara ini, sepatutnya dilaksanakan dan dikawal selia dengan lebih berkesan lagi bersistematis mengikut piawaian *standard* antarabangsa yang digariskan

oleh *WHO* bagi memastikan kehidupan yang lebih terjamin, *sustainable*, selamat dan bersih.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kelazimannya sejak sekian lama di negara ini adalah menggunakan kaedah *conventional*, pelupusan sampah, penggunaan *landfill* sehingga ke hari ini. Impak penggunaan *landfill* tersebut bukan sahaja menyumbang kepada *greenhouse gas emissions*, ia juga menyebabkan kerosakan tapak tanah yang kekal serta memberikan risiko dan impak negatif dalam jangka masa panjang.

Dalam pada itu, kaola ingin mengongsikan kedudukan negara dan beberapa negara ASEAN lainnya dalam *Environment Performance Index 2024* bagi *waste management* yang mana kedudukan Negara Brunei Darussalam di kategori ini berada di dalam tangga ke-72. Manakala Singapura berada di tangga pertama, Vietnam di tangga 33, Laos 42 dan Kemboja 66.

Melihat akan keadaan ini, seperti *brake press* yang dilakukan di Singapura terhadap *waste management*, dilaksanakan dengan menggunakan teknologi dan inovasi dalam pengurusan sisa pepejal termasuk mengitar semula sisa-sisa tersebut dan dijadikan sebagai bahan binaan, turapan jalan raya dan juga dapat menghasilkan tenaga elektrik.

Singapura menghasilkan kira-kira 7.4 juta dan sisa pada tahun 2023, dan separuh daripadanya telah dapat dikitar semula. Ini merupakan satu contoh inovasi yang benar-benar memanfaatkan

sumber sisa yang ada untuk tujuan pembangunan *sustainable*.

Adalah juga diambil maklum, mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan semasa Sesi Permesuaratan Ke-20 di Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 2024/2025, telah juga membuat kenyataan mengenai perancangan pembinaan prasarana menggunakan *incinerator system waste-to-energy* yang dijangkakan akan memulakan operasinya pada tahun 2029.

Adalah juga diambil maklum tentang keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkaitan dengan hal ehwal kebersihan dengan mengambil langkah-langkah seperti penubuhan Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan sejak tahun 2018, yang antara lain bertanggungjawab menetapkan dasar kebersihan negara, merangka strategi kebangsaan serta memantau pelaksanaan inisiatif kebersihan.

Demikian juga pindaan peraturan *Environmental Protection and Management* tahun 2022, dalam antara lainnya bertanggungjawab menjaga, memelihara dan memakmurkan negara, ini untuk generasi akan datang.

Sehubungan dengan ini, ke arah matlamat negara dalam memastikan kelangsungan hidup yang terjamin daripada pencemaran alam sekitar dengan mengekalkan kelestarian persekitaran berdaya tahan iaitu kehijauan, bersih, sihat dan selamat,

di samping inisiatif untuk menaikkan indeks negara yang lebih baik mengikut penilaian antrabangsa dalam *Environment Performance Index* yang berkaitan dengan *waste management*, suacita kaola memohon pencerahan tentang status perkembangan dan inisiatif-inisiatif yang telah diambil setakat ini dan perancangan di masa akan datang.

Pertamanya, adakah inisiatif mentransformasikan sistem pembuangan sampah yang lebih efisien dan berkesan, yang ada pada masa ini iaitu secara berkelompok di kawasan-kawasan pembuangan sampah yang tidak *environment-friendly*, mengakibatkan risiko pencemaran, bau yang kurang menyenangkan dan kebersihan yang kurang terkawal, yang boleh mendatangkan risiko kesihatan.;

Kedua, apakah inisiatif dan rancangan strategi jawatankuasa-jawatankuasa Induk Isu Kebersihan? Dan seterusnya perlaksanaan perancangan, *incinerator system waste-to-energy project* yang dijangka bermula pada tahun 2029.

Kaola ingin menyambung kalau kaola diizinkan Yang Berhormat Pengerusi. Iaitu berkenaan dengan Tajuk Jabatan Kemajuan Perumahan di bawah kalawan 002/001 – Perancangan dan Desain. Seperti difahami, kaedah *design and build*, menggabungkan perancangan dan pembinaan dalam satu pakej kontrak bertujuan untuk menjimatkan masa dan kos dalam perlaksanaan projek.

Namun begitu berdasarkan kepada pengalaman dan maklumat diterima, kita

telah juga menafikan bahawa keadaan ini juga mendatangkan beberapa cabaran dan kelemahan yang perlu diambil perhatian yang sewajarnya oleh kementerian dan agensi-agensi berkepentingan.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kita dapat melihat bahawa ada projek-projek telah menggunakan kaedah *design and build* yang terbengkalai dan gagal untuk disiapkan mengikut kriteria kualiti dan hasil yang dijanjikan.

Kegagalan ini seringkali mengakibatkan kerugian kepada kerajaan dan menjelaskan reputasi serta kepercayaan rakyat terhadap sistem pelaksanaan projek kerajaan. Keadaan ini mampu memberikan gambaran bahawa kaedah *design and build* ini tidak sesuai digunakan untuk semua jenis projek terutama projek yang memerlukan ketelusan dalam kawalan kualiti yang lebih ketat dan pemantauan berterusan.

Elemen-elemen seni bina dan kebudayaan kebruneian juga sering dipinggirkan apabila pendekatan *design and build* diambil, yang mengurangkan keunikan dan identiti tempatan dalam struktur bangunan yang dibina.

Sebagai contoh projek-projek seperti bangunan awam, perumahan, masjid dan sebagainya, yang mempunyai impak langsung, tidak terhadap kesejahteraan masyarakat, memerlukan pengawalan yang lebih rapi dan kualiti yang lebih tinggi.

Dalam konteks ini, kaedah *conventional* yang memisahkan perancangan dan

pembinaan masih lagi relevan untuk digunakan dalam projek-projek tersebut bagi memastikan kualiti dan hasil yang lebih terjamin.

Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan, adakah Kementerian Pembangunan membuat kajian dan penganalisaan dan menghasilkan pemilihan dan garis pandu yang bersesuaian, sebelum melaksanakan sesuatu projek, sama ada menggunakan kaedah *design and build* ataupun *conventional*. Ini adalah bagi kita semua sama-sama mempastikan pilihan yang terbaik dengan mengambil kira dari aspek kualiti, seni bina *design* dan struktur bangunan, spesifikasi, kos efektif serta kemanfaatan yang boleh diraih oleh anak-anak tempatan yang terutamanya yang berkecimpung dalam jurusan profesional. Sekian. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kaola mengucapkan minta maaf Yang Berhormat Pengerusi atas lewat dua minit lebih. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi. Alhamdulillah, terima kasih di atas peluang membahaskan belanjawan bagi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk peruntukan perbelanjaan kemajuan bagi Tahun Kewangan 2025/ 2026.

Kaola merujuk pada Tajuk SK01A, Kod 002/000, Perancangan dan Pengurusan Polisi. Merumuskan dan menyelaraskan dasar yang sedia ada termasuklah

menggubal dasar-dasar baru yang berkaitan dengan gunaan harta tanah, industri pembinaan, perumahan, perumahan infrastruktur dan alam sekitar serta merancang bagi pengguna tanah yang optima.

Sehubungan dengan ini, kaola ingin menekankan satu perkara yang perlu diambil perhatian berkenaan dengan reka bentuk bangunan-bangunan kerajaan. Bangunan-bangunan kerajaan tidak hanya berfungsi sebagai tempat pentadbiran tetapi juga sebagai simbol kekuatan dan identiti negara. Oleh kerana itu, reka bentuk bangunan kerajaan hendaklah mengambil kira *functionally* yang mengambil kira keperluan fungsinya. Memastikan ianya berkesan dalam menyokong operasi pentadbiran dan perkhidmatan awam. Ini termasuklah ruang yang mencukupi, kemudahan yang selesa dan efisien serta keperluan akses yang mudah kepada orang ramai. Selain daripada itu, teknologi moden juga perlu diintegrasikan. Ini termasuklah inisiatif-inisiatif penggunaan teknologi yang menyokong kepada mesra alam sekitar serta kos yang efektif.

Selain daripada itu, konsep *nationality* harus menjadi elemen penting dalam reka bentuk bangunan-bangunan kerajaan. Reka bentuk haruslah mencerminkan identiti budaya, sejarah, dan nilai-nilai negara kita yang berpaksikan Melayu Islam Beraja, MIB. Dengan ini, hanya ianya bukan sahaja dilihat sebagai struktur fizikal malahan menjadi lambang kekuatan, kestabilan dan identiti negara serta menjadi ikonik

tarikan pelancong. Ia mencerminkan inspirasi kita sebagai sebuah negara yang maju, berbudaya dan peka terhadap keperluan rakyat dan negara.

Sehubungan dengan ini, kaola sukacita mencadangkan agar dasar-dasar reka bentuk bangunan-bangunan dan prasarana infrastruktur Kerajaan hendaklah mengambil keutamaan tentang ciri-ciri yang kaola nyatakan tadi. Dan apakah perancangan pihak kerajaan di dalam mendukung isu alam sekitar di dalam reka bentuk bangunan-bangunan kerajaan? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada 3 persoalan Yang Berhormat Pengerusi. Yang pertama, Anggaran Perbelanjaan Kemajuan RKN Kod 1216 - Kemudahan Awam untuk Urusan Melalui Jalan Darat Jalan Raya. Keseluruhan harga RKN \$114,831,758. Alhamdulillah peruntukan yang besar telah disediakan untuk menaik taraf infrastruktur jalan raya di negara ini. Namun masalah kesesakan lalu lintas masih berlarutan di lokasi-lokasi yang sama dalam tempoh masa yang panjang. Sebagai contoh jalan dari Kampong Lugu ke sepanjang jalan-jalan Kilanas dan Bunut sehingga ke Batu Satu.

Kaola berpendapat kesesakan ini disebabkan oleh pertumbuhan penempatan, projek-projek perumahan persendirian dan komersial serta peningkatan kenderaan dari semasa

ke semasa dengan kondisi jalan raya yang masih tidak berubah. Kesesakan ini menyebabkan pembaziran dari aspek masa dan tenaga pengguna jalan raya serta turut memberi kesan negatif terhadap produktiviti disebabkan masa yang lama dalam perjalanan ke tempat kerja dan sekolah. Mohon pencerahan apakah langkah yang dirancang oleh kementerian bagi menangani isu kesesakan lalulintas yang berlarutan di kawasan-kawasan ini?

Kaola menyarankan supaya Kementerian membuat *bottleneck study* dan mengambil kira perancangan pembangunan akan datang seperti pembinaan kawasan-kawasan perumahan dan sekolah. Kajian semula yang menyeluruh perlu dilakukan oleh bagi menilai keseluruhan proses daripada perancangan hingga pelaksanaan, *execution*. Pendekatan ini penting untuk memastikan reka bentuk jalan dan sistem trafik bukan sahaja menyelesaikan masalah semasa tetapi juga berdaya tahan bagi menampung pertumbuhan masa hadapan.

Soalan kedua telah disentuh oleh rakan sekerja tapi kaola ingin menambah saja Yang Berhormat Pengerusi ah. Ani mengenai *waste-to-energy project*. Kaola ingin bertanya saja apakah langkah-langkah yang sedang diambil kementerian untuk mencari alternatif pengurusan sisa yang lebih mampan sehingga loji tersebut siap memandangkan kapasiti *landfill* Sungai Paku dijangka mencapai had penggunaan pada tahun 2030?

Seterusnya, merujuk SK04A Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Kod 002/000 - Perancangan Bandar dan Desa. Jumlah keseluruhan bajet \$665,667 - Penyediaan Pelan-Pelan Kemajuan. Penglibatan awam dalam perancangan dan indikator prestasi utama. Kaola mengalu-alukan inisiatif Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dalam mempertingkatkan penyebaran maklumat dan pendedahan kepada orang awam serta pihak berkepentingan mengenai perancangan dan projek pembangunan bandar serta luar bandar. Usaha seperti sesi dialog, perbincangan kumpulan fokus dan perbincangan-perbincangan bersama golongan belia amat dihargai.

Sebagai tambahan bagaimana pihak kementerian boleh melibatkan peranan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dalam proses ini? Kaola berharap inisiatif ini dapat diteruskan dalam rancangan Pembangunan akan datang termasuk pelan utama seperti *National Land Use Master Plan, NLUMP*. Sebagai cadangan kaola menyarankan agar indikator prestij utama, *KPI* diperkenalkan bagi menilai keberkesanannya sesi libat urus ini serta memastikan maklum balas yang diterima dimanfaatkan dengan sebaiknya dalam proses perancangan. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola lebih dahulu ingin mengucapkan

berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan ke atas penyiapan penyediaan kertas kerja pelan strategik Kementerian Pembangunan.

Kaola ingin merujuk kepada program 003/000 iaitu Pengurusan Industri Pembinaan iaitu Mengawal Selia, Membangun dan Memantau dan Memastikan Kontraktor dan Pembekal Yang Mendaftar Mempunyai Potensi, Kompetensi dan Kebolehannya Berkaitan. Kaola mengalu-alukan usaha ini kerana beberapa kes yang dilaporkan di mana kerja-kerja yang dibuat oleh kontraktor membangun rumah, mengubah suai atau membuat kerja-kerja kecil mempunyai berbagai masalah. Ini sering berlaku apabila kontraktor tidak mematuhi perjanjian atau menghadapi masalah kewangan dan sebagainya. Jadi, kaola ingin bertanya jika Kementerian Pembangunan ada senarai kontraktor-kontraktor yang didapati berkali-kali melanggar perjanjian ini dan disenarai hitam bagi memelihara kepentingan pelanggan agar tidak menawarkan lagi perkhidmatan mereka. Dan bagaimanakah pihak Kementerian memastikan yang setiap pekerja asing mempunyai kompetensi dalam kerja-kerja yang mereka kerjakan?

Seterusnya, kaola menyentuh Tajuk 1215 - Menangani Risiko Menghadapi Bencana Alam, Kemudahan Awam dan Alam Sekitar. Dalam ingatan kaola, hampir setiap tahun kita membuat kerja-kerja *upgrading*, menaik taraf sama ada projek yang baru atau yang belum siap,

ongoing project. Soalan kaola apakah tidak ada jangka hayat atau pun *validity* sesuatu projek itu. Misalnya satu projek itu ia kalau dibuat pada 2026, ia seharusnya menampung keperluan dan kekal berfungsi bagi beberapa tahun yang akan datang 10 atau 20 tahun akan datang. Pembinaan beberapa kolam tadahan dan *storm drain* pada misalnya di beberapa kawasan di beberapa tempat sepatutnya boleh mengawal kejadian banjir tapi di beberapa kawasan ia masih berlaku. Jadi kaola mohon pencerahan sama ada projek-projek itu mempunyai jangka hayat yang boleh kita harapkan supaya tidak berlaku lagi masalah banjir. Bencana hujan lebat bukan saja menyebabkan banjir terutama di kawasan rendah tetapi juga tanah-tanah runtuh.

Kaola yakin perkara ini sudah diambil perhatian oleh pihak kementerian tetapi pada hemat kaola, hanya dua tapak setiap tahun untuk diberi perlindungan tidak mencukupi memandangkan terdapat banyak rumah di lereng-lereng dan kaki-kaki bukit. Jadi kaola memikirkan mungkin lebih daripada dua tapak setiap tahun mungkin dapat membantu kawasan-kawasan tersebut.

Seterusnya kaola beralih kepada Tajuk 1216/000 - Projek Infrastruktur Jalan Raya di mana di bawah Rancangan Kemajuan Negara, RKN-12 telah diperuntukkan Harga Rancangan sebanyak \$80 juta. Kaola ingin bertanya status tiga projek yang besar, iaitu 1216/005 - Menaik Taraf Jalan Tutong, 1216/006 - Melebarkan Lebuh Raya Tungku dan 1216/007 - Pelebaran Jalan

Muara. Adakah sudah jadual bila ia akan dimulakan, menaik taraf Jalan Tutong? Bila ia akan dimulakan? Sebab menaik taraf Jalan Tutong sudah lama dalam rancangan dan kalau sebelum ini tidak ada peruntukan, kini telah disediakan di bawah RKN-12.

Keperluan menaik taraf Jalan Tutong adalah mengambil kira potensi pembangunan di kawasan tersebut dan pelaksanaan projek adalah perlu disegerakan. Begitu juga Jalan Muara di mana bilangan kereta yang menggunakan jalan ini semakin bertambah dengan adanya perumahan seperti di kawasan Panchor Mengkubau, Meragang dan Tanah Jambu. Kaola menyarankan dengan peruntukan yang telah disediakan, projek-projek ini dapat dimulakan segera.

Seterusnya kaola ingin juga merujuk kepada Tajuk 1221/010 - Pelan Tindakan Kemajuan Bandar Seri Begawan, Pekan Tutong dan Pekan Belait dan Seria. Kaola ingin bertanya jika ada pelan-pelan daerah dan pelan-pelan tindakan sebelum ini dan apakah status pelaksanaannya? Kerana sepanjang ingatan kaola sudah ada pelan-pelan daerah sebelum ini tapi tidak dilaksanakan barang kali sebabnya *they are not statutory* maka tidak dimestikan dijalankan.

Akhir sekali, kaola merujuk kepada 002/001 - Pengurusan Kawasan dan Pemeliharaan Landskap yang mana peruntukan tahun ini nampaknya meningkat sedikit daripada tahun lepas. Kaola minta pencerahan jika ada projek-

projek baru yang sedang dijalankan ataupun yang akan dijalankan oleh JASTRE. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Wabillahi taufik walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya akan memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan ulasan ataupun responsnya terhadap perkara-perkara yang dikemukakan ataupun dibahaskan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik tadi. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (*Doa dibaca*)

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Dengan apatu ruang yang diberikan untuk menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi yang telah mengutarakan soalan-soalan mereka dan soalan pertama tadi yang daripada Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, yang membangkitkan mengenai dengan masalah air bersih.

Di antaranya masih lagi berlarutan masalah air kekuningan yang berlarutan dari tahun ke tahun dan ani ada kesannya terhadap kualiti kehidupan rakyat. Mengenai dengan perkara ani, barangkali apa tu Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum pernah perkara ani diterangkan akan usaha-usaha dibuat untuk memperbaiki dan untuk usaha-usaha pencegahan untuk mengatasi air kekuningan ani dan daripada *feedback* yang dibuat daripada beberapa kawasan

yang lain, nampak ada perubahan sejak 2 tahun kebelakangan ani daripada usaha-usaha yang dibuat.

Jadi memang jua satu *line* terbuka telah dibukakan dengan Pengarah Jabatan Air dengan apa tu Setiausaha Tetap. Mana-mana kawasan yang menghadapi masalah air kekuningan untuk terus menghubungi Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan semasa ia berlaku dan supaya dapat dihantar Jurutera untuk terus melihat dan memeriksa di mana puncanya air kekuningan itu berpunca. Jadi apa untuk perkara ani di apa tu suacita tah kalau dapat kaola memohon supaya Ahli Yang Berhormat ani untuk memberikan dengan lebih spesifik kawasan yang masih menghadapi air kekuningan bertahun-tahun ani supaya dapat abiskaola menghantar pegawai-pegawai untuk memeriksa di kawasan tersebut. Atu soalan mengenai dengan air.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat menimbulkan soal air. Jadi barang kali.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Dirangkum.

Yang Berhormat Pengerusi: Pelawaan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu akan dapat digunakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain untuk apa namanya ni secara spesifiknya bertanya kepada Kementerian Pembangunan mengenai dengan perkara-perkara yang dihadapi oleh apa yang di anu penduduk-penduduk yang terlibat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Kaola, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua apa tu

dengan apa tu pencerahan apa tu Yang Berhormat Pengerusi mengenai dengan anunya tawaran ani ah apa jua tah tujuan dan maksudnya kaola jua dalam perkara ani, terima kasih.

Dan yang jadi dengan perkara ani jua mudahan-mudahan seperti yang diharapkan tadi persoalan itu jua supaya dapat air kekuningan ani dapat diselesaikan dengan sesegeranya lah perkara ani penting.

Yang kedua ialah mengenai dengan soalan di apa tu di daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir mengenai dengan air Sungai Temburong bagi meneliti perubahan sumber air. Mengenai dengan sistem kualiti bagi pemantauan secara *online* atau *real time* bagi loji-loji rawatan di negara ini bagi memastikan air bersih di tahap yang ditentukan oleh Pusat Pertubuhan Sedunia, *WHO*.

Jadi perkara ani yang apa tu apa ni pemerhatian abiskaola di kementerian mengenai dengan keadaan air di Temburong ani memang apa tu memang satu keutamaan yang diberikan dan sebelum ani beberapa lawatan telah dibuat untuk melihat apa tu sistem tangki-tangki yang ada di sana dan jua kemajuan seterusnya dari segi *piping* dan apa tu kerja-kerja pemeliharaan yang akan diperlukan. Jadi termasuklah jua kajian kualiti air Sungai Temburong bagi meneliti perubahan-perubahan kualiti sumber air di Temburong ani dan juga untuk mengatasi kalau ada sebarang pencemaran yang berlaku.

Jadi sistem pemasangan sistem kualiti air bagi pemantauan ani yang dibuat secara *online* ani, satu memang ada dalam

perancangan untuk dilaksanakan, termasuk di dalam peruntukan yang akan disediakan pada, yang telah disediakan dalam RKN-12. Dan di antara projek menaik taraf di Temburong ani ialah meningkatkan kapasiti pengeluaran air bersih di Loji Rawatan Air Batang Duri daripada *5 megaliters per day* kepada *20 megaliters per day*. Mengenai dengan kawasan-kawasan apa tu *GPS, Global Positioning System* seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi ialah aplikasi *GPS* dalam telefon bimbit adalah sistem yang disediakan secara global dan bukan disediakan oleh Jabatan Ukur. Bagi menggunakan aplikasi *GPS* di sesuatu kawasan ianya memerlukan signal telekomunikasi. Antara sebab-sebab *GPS* tidak dapat digunakan adalah tidak ada *signal* telekomunikasi, *signal* telekomunikasi yang rendah gangguan *signal-signal* jem termasuk untuk kawasan terkawal.

Jadi perkara ani, dengan adanya *signal* yang keluar ke kawasan luar pantai utamanya daripada *service provider* bagi Negara Brunei Darussalam yang menyediakan jua *service provider signal-signal* internet di seluruh negara ani, kalau ia jua diluaskan keluar pantai dan jadi dengan sendirinya sistem *GPS* ani data-data dan *signal GPS* ani akan dapat diperolehi.

Seterusnya, kaola dalam menjawab soalan yang dibangkitkan oleh tadi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, mengenai dengan Bajet Tahun Kewangan 2025/2026 ini, Jabatan Kerja Raya yang

menghadapi pengurangan peruntukan khususnya dalam penyelenggaraan.

Mengenai dengan pemotongan sebanyak \$62 juta, kalau dilihat daripada peruntukan yang telah disokong untuk dibawa di dalam perbincangan ani ialah secara keseluruhan Perbelanjaan Berulang-ulang Jabatan Kerja Raya berkurangan sebanyak \$3 juta iaitu sekitar 4% daripada bajet sebelumnya.

Tapi di sebalik pengurangan ani, terdapat peningkatan dalam beberapa kategori perbelanjaan lain. Peruntukan bagi perolehan aset meningkat dengan ketara sebanyak \$2.4 juta iaitu 221% manakala perkhidmatan 2109 *also* ada kenaikan sebanyak \$1.38 juta sebanyak 44% dan selain itu, perbelanjaan bagi sewa dan pajakan meningkat 231%, menunjukkan adanya keperluan tambahan dalam kategori-kategori ani.

Dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ani, JKR telah membelanjakan sekitar 90 ke 95% daripada bajet yang diluluskan. Jadi ini menandakan bahawa pengurusan peruntukan yang lebih fleksibel adalah penting. Oleh itu, Kementerian Pembangunan dan JKR akan menyusun semula peruntukan sedia ada bagi memastikan penggunaan yang lebih optimum mengambil kira juga pengurangan di beberapa akaun seperti yang disebutkan oleh dalam persoalan Yang Berhormat Pengerusi tadi.

Antara langkah yang diambil adalah untuk memastikan keperluan penyelenggaraan bangunan infrastruktur masih terus dilaksanakan walaupun bajet berkurangan. Salah satu pendekatan

yang diambil ialah dengan memberikan keutamaan kepada kerja-kerja penyelenggaraan di premis-premis kritikal terutama yang melibatkan infrastruktur asas seperti bekalan air bersih, saliran dan pembetungan, jalan raya dan perumahan.

Fungsi asas infrastruktur jadual penyelenggaraan akan disusun semula mengikut prioriti memastikan kerosakan besar didahulukan manakala kerosakan kecil ataupun kerosakan domestik atau yang tidak berapa mendesak ditangguhkan ataupun dikemudiankan sementara bagi memaksimumkan peruntukan yang terhad ani.

Dalam itu ju, kita akan terus memanfaatkan kontrak penyelenggaraan penggal untuk kerja penyelenggaraan yang rutin. Jadi pendekatan memastikan kerja dilakukan secara konsisten dan lebih terkawal. Dan seterusnya untuk mengoptimalkan sumber dalaman termasuk menggunakan tenaga kerja sedia ada seperti pakar-pakar profesional di dalam Jabatan Kerja Raya. Walaupun berdepan dengan cabaran pengurangan peruntukan, langkah menyusun, penyusunan semula ini dijangka dapat mengurangkan kesan pengurangan peruntukan terhadap operasi penyelenggaraan di dalam aspek-aspek kritikal yang seperti yang disebutkan tadi.

Mengenai dengan dasar *Local Business Development*, dasar ini telah dilaksanakan di dalam beberapa aspek tidak menyeluruh ataupun kesemua sekali seperti yang diharapkan

disebabkan oleh cabaran-cabaran dan juga kekangan-kekangan yang ada. Di antara beberapa inisiatif dalam meningkatkan penglibatan syarikat dan tenaga kerja tempatan dalam sektor pembinaan ani ialah pertama, di dalam *clause contract-contract* yang diberikan kepada pembina-pembina yang Berjaya. Didalam *contract-contract* yang diurus oleh ahli-ahli Kementerian Pembangunan ialah *clause* ataupun syarat *Local Business Development* ani menjadi syarat dalam *document tender* bagi memastikan kontraktor memberikan keutamaan dan *compliance* kepada satu perniagaan-perniagaan, peniaga-peniaga dan juga pekerja-pekerja tempatan di dalam pembelian-pembelian bahan-bahan yang dapat diperolehi daripada peniaga-peniaga ataupun pengeluar-pengeluar tempatan.

Selain itu, kontraktor dalam *Development Program* ini yang diadakan satu latihan yang dipanggil *Contractor Development Program* yang diadakan dua kali setahun di bawah pengurusan Bahagian ABCi dalam memberi latihan kepada pemilik syarikat tempatan dalam pengurusan syarikat keusahawanan, dalam kewangan dan pengetahuan pembinaan. Usaha ini adalah untuk mendorong dan pengusaha-pengusaha tempatan dan memberikan mereka peluang-peluang untuk mengatasi cabaran-cabaran pengurusan yang mereka hadapi didalam mengurus syarikat-syarikat pembinaan ani ataupun syarikat-syarikat pembekal bahan-bahan pembinaan. Terutama sekali dalam membantu mengatasi masalah

perakaunan, masalah pengurusan kewangan dimana sebelum ani disebabkan oleh kelemahan-kelemahan ani didapati 58 peratus permohonan pembaharuan lesen pembinaan daripada pengusaha-pengusaha syarikat-syarikat ani telah ditolak kerana gagal di dalam beberapa syarat-syarat kelayakan.

Dalam tahun 2023 telah merekodkan 58 peratus permohonan pembaharuan lesen pembina telah ditolak dan itu tah untuk menaikkan semula pengusaha-pengusaha, penglibatan pengusaha-pengusaha tempatan didalam industri dan tender-tender kementerian.

Dan seterusnya untuk menggalakkan prestasi industri tempatan, Anugerah Cemerlang Industri Pembinaan diperkenalkan pada tahun lepas 2024 khusus bagi syarikat tempatan kelas satu dan dua. Ani adalah untuk mendorong penglibatan tinggi pengusaha-pengusaha tempatan di dalam kelas satu dan dua ani dan jua seterusnya untuk merancang dan jua mengenal pasti apa-apa tindakan, *support* ataupun bantuan yang dapat diberikan kepada kategori pengusaha di dalam kelas satu dan dua ini.

Kementerian Pembangunan juga menuahkan *Construction Personnel Taskforce* pada bulan Oktober 2023 iaitu untuk memperkuuhkan lagi *localisation* tenaga kerja. *Taskforce* ini mengenal pasti jawatan teknikal yang perlu diutamakan kepada rakyat tempatan seperti *Construction Supervisor*, *Construction Foreman* dan *Construction Tradesman* serta berkerjasama dengan

institusi latihan contohnya Pusat Pembangunan Belia, *Life Long Learning* dan juga *IBTE* bagi menyediakan Program Peningkatan Kemahiran dan Pensijilan bagi anak-anak tempatan.

Program seperti yang disebutkan tadi atau adalah di antara program-program perintis *Health Safety Environment* yang juga yang diusahakan untuk dapat membantu memperkuuhkan keboleh pasaran belia tempatan di dalam industri pembinaan dan juga untuk dikerahkan kepada pembida-pembida yang berjaya mendapat kontrak untuk diberikan syarat untuk mengambil anak-anak tempatan yang menepati kelayakan ansi untuk diambil berkerja di dalam pembinaan dan tender-tender yang dimaksudkan ini.

Pada masa ansi, Kementerian Pembangunan belum ada menetapkan KPI bagi kadar pekerja tempatan asing bagi industri pembinaan. Belum lagi di buat ia punya, nya apatu, ia punya sasaran KPI secara spesifik.

Walau bagaimanapun, kementerian menyokong inisiatif untuk mencapai sasaran lebih 5 ribu jawatan yang kini diisi oleh warga asing untuk dialihkan kepada warga tempatan seperti yang nyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada hari Isnin, 10 Mac yang lepas di Dewan yang mulia ini.

Seterusnya, bagi soalan tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong mengenai dengan masalah air jua tadi atau,jua perkara ansi jua, kaola pernah

meminta dapat Yang Berhormat untuk memberi di mana kawasan yang air masih masalah kekuningan ini supaya dapat dibuat tindakan yang segera untuk mengatasinya.

Jika sekiranya ada air kekuningan ansi agar dapat, kaola menyarankan supaya jangan ditangguh-tangguh supaya perkara ini dibuat laporan secara segera sebab kitani risau akan keselamatan terutama sekali kalau ia air yang berwarna.

Jadi kalau air sepatutnya ia mengikut daripada satu, kriteria-kriteria keselamatan warna atau daripada identifikasi warna. Kalau warna sudah berubah baikkah kalau dapat dilaporkan dengan segera supaya dapat tindakan dibuat.

Mengenai dengan Tangki Lumapas, sebelum ansi ada dua tangki di Lumapas atu dan satu Tangki Lumpas I dengan usaha juga dengan penglibatan Jabatan Air, Jabatan Kerja Raya telah dapat dibaik pulih dan tangki atu digunakan bermula pada tahun 2023 dan masa ansi telah membekalkan air di beberapa kawasan persekitaran, Kampung Kasat dan juga di kawasan Kampung Lumapas dan di samping juga di beberapa kawasan lain di luar kawasan itu.

Dan satu lagi yang, apatu, Tangki Lumpas II ansi. Usaha atu sebenarnya dibuat serentak untuk dipulihkan sama dengan Tangki Lumpas I tetapi disebabkan oleh ada isu melibatkan, apatu, aktiviti tanah di mana paip-paip

di dalam tanah atau telah rosak dan patah dan perlu untuk di buat pemasangan paip-paip baru dan ani melibatkan pembelanjaan yang cukup tinggi dan dengan itu telah dibuat satu proses pemohonan bajet dan juga ada bajet ani telah diperolehi dan masa ani ia dalam apatu perancangan untuk mengeluarkan *tender* supaya projek ani dapat dibuat.

Jadi dengan pemberian sistem paip untuk Tangki Lumapas II ani nanti di buat, maka akan dapatlah dimulakan kerja-kerja untuk membaik pulih dan setentunya sebaik batang paip ani baik nanti dapat mencapai hasrat seperti disampaikan daripada soalan Yang Berhormat tadi supaya dapat menampung keperluan air di kawasan-kawasan Lumapas dan juga di Kampung Kasat.

Seterusnya, soalan yang disampaikan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, inisiatif kerajaan dalam menangani isu banjir dan bencana alam di Mukim Pekan Tutong, Mukim Keriam serta Kampung Danau.

Terdapat beberapa projek infrastruktur yang telah disampaikan sebelum ani untuk satu, mengenai dengan kolam-kolam yang sedang dalam perancangan dan beberapa kolam telah dibuat sebelum ani juga pernah disampaikan dan juga melibatkan dengan beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan satu ada *the end of life of*, apa ni, struktur-

struktur, apa tu, *water* dan *flood management* punya *pond* ani.

Salah satu di antara usaha yang dibuat selain daripada penyediaan *pond* ini adalah kerja-kerja mengorek dan melebarkan sungai serta kolam di Daerah Tutong, melibatkan Sungai Telamba, Sungai Pepakan, Sungai Danau, Sungai Kelakas dan Kuala Sungai Tutong. Tawaran telah dibuka pada 22 haribulan Januari 2025 dan akan tutup 25 Mac 2025 ini.

Sekiranya, nanti apabila perjalanan, apatu, projek ani kerja ani dimulakan nanti, insya-Allah jua kali akan memaklumkan kepada Yang Berhormat yang bertanya. Barangkali untuk di jemput kali untuk bersama-sama memantau macam mana perjalanan progres kerja-kerja ini nanti.

Insya-Allah. Objektif projek ani adalah untuk meningkatkan kapasiti sungai bagi melancar pengaliran air melalui kerja-kerja pengorekan dan pelebaran sungai yang sedia ada.

Kedua ialah Skim Pencegahan Banjir di Pekan Tutong, Kampung Keriam dan Kampung Bukit Bendera. Tawaran dibuka pada 18 Disember 2024 dan ditutup pada 25 Mac 2025 ini.

Projek ini bertujuan untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan yang sering dilanda banjir seperti Kampung Keriam, Kampung Suran, Kampung Sinaut, Kampung Bendera.

Langkah-langkah mitigasi menaik taraf sistem saliran pembinaan, sistem pam saliran, serta pembinaan benteng penahanan banjir. Kerja-kerja awal bagi saluran keluar kedua Sungai Tutong, jangka di buka untuk tawaran pada bulan Mei nanti. Ani masih lagi dalam perancangan untuk *tender document* pada masa sekarang dan akan dibuka pada bulan Mei 2025.

Isu banjir di RPN Bukit Beruang, Pihak Kementerian mengambil maklum mengenai cadangan gunaan mesin *Micro Hydro Power* sebagai mitigasi banjir setempat. Dalam hal ini, kajian mendapati banjir di kawasan ini dikategorikan sebagai Banjir Setempat, *local flooding* yang memerlukan pembaikan dan pembesaran sistem saliran sedia ada dengan kos yang dianggarkan sebanyak \$858 ribu.

Jadi ada sudah peruntukannya dan tindakan akan diambil dalam perkara ini untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Mengenai dengan cadangan membina kolam tankungan di kawasan RPN Bukit Beruang, perkara ini telah difikirkan dan dikaji, cuma tidak dapat dilaksanakan memandangkan cadangan ini tidak memberikan kesan positif terhadap kategori kebanjiran kawasan tersebut.

Kementerian juga telah membuat kajian bertajuk *Feasability Study for Flood Occurences at RPN Bukit Beruang* pada 12 Februari 2025 yang ditutup 4 Mac 2025. Kajian ini bertujuan untuk

mengenal pasti punca utama kegiatan banjir di kawasan tersebut iaitu RPN Bukit Beruang dengan menentukan lokasi dan reka bentuk terbaik bagi sistem mitigasi banjir serta langkah-langkas mitigasi yang lebih holistik.

Mengenai dengan peruntukan untuk menaik taraf dan membaiki infrastruktur di Mukim Ukong, Kementerian Pembangunan telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan secara *sectional* di jalan, iaitu berperingkat-berperingkat ah, pembaikan jalan secara *section-by-section* di Jalan Long Mayan Merangking, di Jalan Long Mayan Merimbun, Jalan Long Mayan Bukit di tiga lokasi disepanjang 450 meter pada tahun lepas, 2024.

Pada masa ini, kerja-kerja pembaikan jalan raya dan penyelenggaraan sistem saliran dilaksanakan secara *section-by-section* menggunakan kontrak penggal.

Kementerian Pembangunan juga akan melaksanakan kerja-kerja menaik taraf jalan raya di Long Mayan Merangking ke tahap konkrit sepanjang 1.5 kilometer melalui peruntukan RKN-12 yang mana tawaran ini sedang dalam proses, apa tu, penilaian.

Mengenai dengan persoalan apakah rancangan kerajaan dalam menyediakan infrastruktur yang lebih kondusif untuk kesejahteraan rakyat termasuk di kawasan luar bandar.

Antara langkah yang telah di ambil dan akan di ambil antaranya pertama ialah

kerja-kerja pemeliharaan infrastruktur termasuk jalan raya, bekalan air dan sistem saliran bagi memastikan infrastruktur ini terus berfungsi dengan baik dan selamat. Kedua, pelaksanaan Projek Mitigasi Banjir seperti pengorekan dan pelebaran saluran air, menaik taraf sistem saliran, pembinaan kolam takungan air, pemasangan sistem pam saliran untuk menampung air hujan di kawasan berisiko tinggi.

Ketiga ialah kajian menyeluruh bagi memastikan perancangan yang lebih tersusun dan berkesan dalam menangani masalah banjir serta bencana alam yang lain.

Insya-Allah, pihak kementerian akan terus memohon beberapa peruntukan bagi projek-projek Rancangan Kemajuan Negara dalam memastikan kesinambungan pembinaan dan pemeliharaan infrastruktur-pencegahan banjir di luar bandar secara supaya dapat dicapai dengan berkesan.

Seterusnya, merujuk kepada soalan daripada Yang Berhormat Mohammad Ali bin Tanjung.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan, barangkali *it is almost impossible for you to* apa namanya ni, menjawab semua soalan-soalan yang berkenaan secara *detail*, ada baiknya *if you can just skim through* soalan-soalan yang dikemukakan dan selainnya adalah elok kalau sekiranya Yang Berhormat dapat menjawabnya secara bertulis.

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola mengharapkan jua tu apa Yang Berhormat Pengerusi memberi cadangan atau memang banyak yang kan dibaca di sini. Mohon maaf jua apa tu, jadi kaola akan mengambil beberapa perkara yang khusus dan barangkali yang lebih besar untuk dijawab di sini.

Ada beberapa soalan tadi, jadi soalan-soalan lain atau yang lebih nya kitani lebih apa tu yang kurang serius, perkara itu kitani dalam menghadapi isu-isu yang dibangkitkan itu, jadi kaola akan karang, apa tu menyediakan jawapannya dalam secara bertulis.

Jadi di antara perkara yang lebih utama untuk di apa tu diberi penerangan di Dewan yang mulia ini ialah mengenai dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yussof tadi mengenai dengan *waste to energy system* ani, mengenai dengan *incinerate*.

Projek *waste to energy* pada masa ini ialah sedang dalam peringkat penyediaan *request for proposal* melalui konsultan yang telah dilantik. *Request for proposal* ini dijadualkan akan dibuka pada 17 Julai 2025 ini dengan tarikh akhir penyerahan cadangan pada 23 Oktober 2025 ini nanti. Jika pelabur berjaya dikenal pasti, maka projek ini akan dianugerahkan pada 10 Julai 2026.

Anilah *timeline* perancangan yang disediakan dan kontrak dijangka dimeterai pada 2 Oktober 2026. Pembinaan loji dijangka bermula selepas itu dengan sasaran untuk beroperasi sepenuhnya pada tahun 2029.

Dan perlu jua kaola menyebutkan soalan ani jua, menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin tadi mengenai dengan perkara yang sama. Jadi mengenai dengan loji *waste-to-energy* ini, ia dianggarkan berkapasiti 25 megawatt sehari.

Angka ini masih dalam kajian lanjut untuk menentukan sumbangannya terhadap keperluan tenaga Negara Brunei Darussalam dalam peratusan. Selain menjana tenaga elektrik, loji ini juga akan menghasilkan bahan sampingan seperti abu yang boleh digunakan dalam industri pembinaan dan *horticulture* selari dengan usaha pengurangan sisa buangan secara lestari.

Dan apa tu memang ada usaha ani untuk mengenalpasti *whether* abu ani nanti dapat digunakan, adakah ia selamat digunakan untuk membuat sebagai bahan campuran dalam membuat batu bata untuk sebagai bahan pembinaan.

Selain daripada itu, sementara menunggu pengoperasian projek *waste of energy* ani, langkah diambil adalah seperti berikut: penyediaan peraturan

mengenai pengurusan sisa pepejal *waste management regulation*, memperluaskan kaedah pengutipan sampah dari rumah ke rumah melalui kontrek secara *concession* bermula dengan kawasan Perumahan Negara, menyediakan garis panduan berkaitan pengurusan pengutipan sampah, sisa pepejal bagi keperluan *waste to energy incinerator*, melaksanakan beberapa inisiatif ke arah pengurangan jumlah sampah yang dihasilkan.

Dalam penyediaan *request for proposal* ini, penelitian bagi melengkapkan infrastruktur yang diperlukan seperti air, saliran terutama sekali dalam penyediaan rangkaian sistem elektrik untuk memastikan tenaga daripada *waste to energy* ini dapat disalurkan kepada gred tenaga yang sedia ada dengan Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri. Jadi perkara ini jua dimasukkan di dalam kandungan dokumen *request for proposal*.

Mengenai dengan beberapa persoalan tadi, kalau dapat kaola merangkumi semua sekali yang melibatkan jalan raya sebelum ani, kaola telah memberikan jua, mengongsikan maklumat mengenai dengan 18 kontrak, *term contract* pemeliharaan jalan raya dan lebuh raya yang dilaksanakan di dalam RKN12 ani.

Jadi, mudah-mudahan jua jawapan atau dan jua kerja-kerja yang akan dapat dimulakan ini nanti akan dapat mengatasi beberapa persoalan yang dibangkitkan mengenai dengan kualiti jalan raya yang kitani apa tu harap

dapat dibaiki dan jua di apa tu diaspal semula supaya lebih selesa, lebih selamat dan jua lebih bisai daripada pandangan kitani.

Jadi Yang Berhormat Pengerusi, atau tah yang kaola dapat merumuskan jawapan-jawapan yang dapat disampaikan tadi atau seperti jua yang dinasihatkan. Jadi, soalan-soalan yang lain, yang tidak dapat dijawab ani supaya akan kaola sampaikan dalam jawapan bertulis.

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan soalan-soalan yang cukup hebat tadi dan jua kepada Yang Berhormat Pengerusi memberi ruang kepada kaola untuk menjawab soalan-soalan ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Dalam perbahasan yang dikemukakan saya tertarik dengan beberapa cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Ada di antaranya merupakan cadangan-cadangan yang difikirkan mungkin boleh dilaksanakan tertakluk kepada kepintaran teknikal kitani lah.

Jadi, saya harap perkara-perkara itu akan dapat di, apa namanya ni diteliti bersama supaya apa jua cadangan-cadangan yang dikeluarkan akan memberikan manfaat kepada Kementerian Pembangunan dalam usahanya membawa kebaikan kepada

infrastruktur negara kitani ani insya-Allah.

Saya kira sudah masanya bagi kita sekarang untuk menutup perbahasan mengenai dengan Tajuk ini dan Tajuk ini sekarang sudah masak untuk kita diundi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli-Ahli Yang Berhormat mengangkat tangan)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli bersetuju. Maka Tajuk ini kita luluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SK01A - SK08A dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SH01A – SH06A Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kita beralih kepada Tajuk SH01A - SH06A Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, saya ingin memohonkan keizinan untuk kita berhenti rehat 15 minit dan kita akan menyambung semula perbincangan ini.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat selama 15 minit)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Mesyuarat

Jawatankuasa kita sambung semula dan kita akan mula membahaskan Tajuk SH01A hingga SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sebagaimana biasa, perbahasan ini akan dimulakan dengan menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, nampaknya seramai 17 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk menyertai perbincangan ini dan saya akan membagikan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam tiga bahagian.

Bahagian pertama, saya akan menjemput Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Mohamed. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengurus. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola ingin merujuk kepada Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan iaitu Kod 002/001- Peningkatan Infrastruktur, Kemudahan dan Perkhidmatan Pelancongan.

Alhamdulillah, pada tahun ani 2025, Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengambil inisiatif membawa Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara membuat lawatan kerja di destinasi-destinasi pelancongan di negara ini.

Salah satu pengalaman yang sangat bermakna ialah berpeluang melihat budaya puak-puak Brunei dengan lebih dekat. Lawatan seperti ini sememangnya membuat membuka mata kita kepada kekayaan warisan bangsa yang kita miliki.

Namun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat cabaran dari segi jarak dan masa untuk melawat lokasi yang memaparkan budaya puak-puak ini terutamanya bagi pelancong yang mempunyai jadual yang padat, agak sukar meluangkan masa mengunjungi tempat-tempat yang berjauhan.

Bagi mereka yang datang khusus untuk pelancongan budaya, situasi ini pastinya agak membataskan pengalaman mereka kerana tidak berpeluang melawat semua kawasan.

Oleh itu, kaola ingin menyuarakan suara daripada Persatuan-Persatuan Puak Jati Brunei, satu cadangan yang mungkin boleh mempermudahkan keadaan ini dan pada masa yang sama, menambah daya tarikan pelancongan budaya ini.

Mereka mencadangkan agar sebuah kawasan dibangunkan di mana tujuh puak Brunei dapat dihimpunkan dalam

satu lokasi, mengambil contoh Perkampungan Budaya yang ada di negara jiran kitani iaitu Kuching, Sarawak.

Dengan adanya tempat ini, para pelancong luar dan domestik boleh melihat, merasai dan juga menghayati keunikan setiap puak Brunei dalam satu tempat. Mereka dapat menikmati persembahan budaya, melihat pembinaan seni dan kraf tradisional, serta mencuba makanan asli dari setiap puak. Semuanya tanpa perlu berjalan jauh dari satu lokasi ke lokasi yang lain.

Selain memberi manfaat kepada pelancong, kaola yakin cadangan ini juga akan membuka peluang kepada masyarakat setempat khususnya persatuan-persatuan puak Brunei untuk terlibat secara langsung dalam mempromosikan warisan mereka. Persatuan-persatuan ini amat bersedia untuk berkerjasama dalam usaha membangun projek ini.

Kaola berharap cadangan ini dapat dipertimbangkan untuk merealisasikan harapan dari tujuh puak Brunei. Sekian sahaja. Terima kasih Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Alhamdulillah, terlebih dahulu kaola suka cita mengucapkan setinggi-tinggi

penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas pencapaian dan inisiatif kementerian bersama rakan-rakan strategik untuk mempertingkatkan pertumbuhan industri makanan dan mengukuhkan *food security* serta mengembangmajukan industri pelancongan di negara ini, yang dibentangkan dengan komprehensif melalui Kenyataan Yang Berhormat Menteri pada hari Sabtu, 15 Mac 2025 yang lalu.

Soalan kaola yang pertama, merujuk kod SH02A - Jabatan Perhutanan, Kod 002/003 - Penguatkuasaan Undang-Undang 2025/2026 dengan peruntukan \$38 ribu. Merujuk kepada Tajuk SH02A 003 - Penguatkuasaan Undang-Undang, soalan kaola, sejauh manakah keberkesanan penguatkuasaan dalam pengurusan dan pembangunan sumber serta industri hutan?

Adakah terdapat insiden pelanggaran peraturan seperti pembalakan haram atau eksplorasi sumber hutan yang tidak terkawal dan bagaimakah pihak kementerian menangani isu-isu ini?

Soalan yang kedua, merujuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan, RKN 12/11 - Memajukan Industri Pelancongan dengan jumlah keseluruhan \$7,317,350.00, peruntukan bagi Tahun Kewangan 2026 \$1,398,900.00.

Terdapat beberapa projek industri pelancongan yang dimasukkan ke dalam RKN ini. Memandangkan industri

pelancongan mempunyai potensi tinggi untuk meningkatkan ekonomi negara, bagaimanakah kementerian merancang pelaksanaan projek-projek bagi mempercepatkan hubungan industri pelancongan?

Adalah dicadangkan agar pihak kementerian untuk mempertimbangkan untuk mengeluarkan projek-projek ini daripada RKN supaya projek tersebut tidak diselesaikan secara berfasa, sebaliknya dapat diselesaikan dengan segera.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Laila Setia Dato Seri Setia Awang
Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:**
Bismillahir Rahmani Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.
Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Kaola hanya ingin membangkitkan tiga soalan tambahan sahaja kerana beberapa persoalan kaola telah pun terjawab oleh Yang Berhormat Menteri dalam kenyataan beliau pada hari Sabtu yang lepas.

Pertama, Pelan Hala Tuju Industri Pelancongan Negara 2024-2035, memuatkan ekosistem pelancongan dari peringkat *pra-arrival*, tiba, ketibaan dan tinggal, *arrival and stay* hingga berlepas balik meninggalkan negara ini.

Dari setiap proses tersebut terdapat keterlibatan banyak pihak termasuk pihak awam mahupun sektor swasta yang berhubung kait dengan industri hospitaliti yang berkenaan, ini sudah setentunya menghendaki *alignment, integrated and coordinated effort* dari semua pihak yang berkepentingan.

Oleh itu, kaola memohon pencerahan mengenai langkah-langkah pencejajaran kementerian, sama ada dengan agensi-agensi kerajaan mahupun pengendali-pengendali perkhidmatan yakni *service operator* sektor ini.

Begitu juga mengenai usaha kementerian dalam meningkatkan kapasiti dalaman kementerian bagi memperkesatkan bidang tugas yang diamanahkan kerana dalam peruntukan Jabatan Kemajuan Pelancongan, dengan jumlah jawatan Kod 002/000 – Pengurusan Pertengahan Seksyen Perkembangan Produk dan Peniagaan Pelancongan telah dikurangkan dua, 2 jawatan.

Kaola memahami yang kementerian mungkin menggunakan teknologi canggih seperti *AI* dan sebagainya untuk menambah baik dan memperkesankan kerja-kerja ini namun kaola percaya ianya juga akan menghendaki tenaga manusia untuk mengendalikannya.

Kedua, alhamdulillah, dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2025/2026 Jabatan Kemajuan Pelancongan telah diberikan pertambahan peruntukan terutamanya bagi tajuk 004/00 – Promosi dan

Pemasaran Pelancongan khusus yang berhubung kait dengan program publisiti, pengiklanan, media, promosi yang ditambah sebanyak \$1.2 juta.

Alhamdulillah, tahniah dan syabas. Kaola menghargai usaha dan inisiatif Kementerian setakat ini. Kaola berharap sasaran *KPI* yang menetapkan jumlah kedatangan pelancong melalui udara sebanyak 370,546 orang ini akan dapat direalisasikan.

Namun begitu, kaola ingin memohon pencerahan mengenai langkah-langkah ke hadapan Kementerian untuk meningkatkan sumbangan dalam peratus kadar penginapan hotel yang disasarkan pada kadar 34.3% dan purata perbelanjaan \$140 sehari bagi setiap pelancong.

Kaola rasa masih dibawah *standard* rakan-rakan kita di negara ASEAN bagi memberikan impak yang signifikan pada industri pelancongan ini secara menyeluruh.

Dan yang terakhir dalam RKN12 terdapat 5 projek telah dirancang yang khusus bagi memajukan industri pelancongan.

Salah satu projek yang dicadangkan ialah mengukuhkan infrastruktur asas dan kemudahan awam di tempat-tempat tarikan pelancongan di seluruh negara yang mana disediakan harga rancangan sejumlah \$3 juta.

Akan tetapi pada Tahun Kewangan 2025/2026 ini hanya disediakan

sebanyak \$30 ribu sahaja yang menggambarkan bahawa projek ini masih di peringkat *drawing board*.

Kaola ingin memohon pencerahan apakah program-program termasuk dalam akaun ini dan bilakah ianya dapat dilaksanakan sepenuhnya bagi merealisasikan *intended outcomes* yang disasarkan.

Begitu juga kaola ingin mengetahui aktiviti-aktiviti yang bakal dilaksanakan bagi akaun 1211-009 Meningkatkan Kualiti Industri Pelancongan yang disediakan harga rancangan sebanyak \$1 juta akan tapi hanya disediakan pembiayaan *token* sebanyak \$10 ribu pada belanjawan tahun 2025/2026 ini yang juga bermakna projek ini masih di peringkat *preliminary*.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kaola sukacita merujuk pada tajuk HH02A Jabatan Perhutanan kod 002/001 – Pengurusan dan Pembangunan Aktiviti, Ladang Hutan dan *Silviculture* Hutan.

Kaola ingin bertanya berapakah keluasan kawasan hutan balak dan ladang hutan yang ada dan dengan peruntukan sebanyak \$60 ribu setahun dengan pengurangan sebanyak \$5 ribu

dari peruntukan tahun kewangan sebelumnya bagaimanakah pihak Kementerian memastikan pengurusan sumber-sumber hutan ini dilaksanakan dengan efisien.

Kedua, HH04A Jabatan Pertanian dan Agrimakanan kod 004/00 - Pengurusan Industri Tanaman, Ternakan dan Agrimakanan.

Bagaimana Kementerian menangani cabaran seperti tanah berasid, perubahan cuaca yang tidak menentu dan ancaman penyakit dalam usaha meningkatkan hasil pertanian dan perikanan serta memastikan kelestarian sektor ini dalam jangka panjang?

Apakah strategi jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirancang termasuk bangunan teknologi pertanian moden, penyelidikan dan Pembangunan, *research and development* serta kerjasama dengan institusi tempatan dan antarabangsa bagi menengani isu-isu ini.

Selain itu, apakah bentuk sokongan and insentif yang diberikan kepada petani dan penternak untuk membantu mereka menyesuaikan diri dengan cabaran ini dan meningkatkan produktiviti mereka.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Pertama sekali kaola ingin memuji usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas

sasaran bagi meningkatkan ketibaan pelancong udara sebanyak lebih 94% bagi tahun 2025/2026 berbanding dengan jumlah sebenar tahun 2023/2024 iaitu 190,889.

Dengan peningkatan sebanyak 174% dalam jumlah peruntukan bagi tajuk kod 004/001 iaitu Promosi dan Pemasaran Pelancong, kaola berharap tahun ini akan menandakan pencapaian signifikan bagi sektor pelancongan Brunei.

Menurut *Borneo Bulletin*, Brunei telah menyambut 11 kapal pelayaran pada tahun 2024 membawa lebih daripada 17 ribu pelawat antarbangsa. Ini adalah peningkatan yang stabil berbanding pada tahun 2023, ia menunjukkan daya tarikan Brunei yang semakin berkembang sebagai destinasi pelayaran.

Pada masa yang sama menurut RTB pada bulan Januari yang lalu, Jabatan Pembangunan Pelancongan menjangkakan 11 kapal pelayaran akan berlabuh pada tahun ini juga.

Oleh itu, kaola ingin mendapatkan penjelasan bagaimana Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bekerjasama dengan *BEDB* dan agensi-agensi berkaitan untuk memastikan perniagaan tempatan boleh memanfaatkan kedatangan ini dan kaola ingin juga mengetahui berapa banyak *vendor* telah terlibat serta peningkatan yang boleh kita jangkakan pada tahun ini.

Perkara seterusnya, aktiviti mengambil gambar merupakan salah satu aktiviti utama pelancong dari pelbagai peringkat umur namun berapa banyak mercu tanda yang dikenali dan *photogenic* terdapat di Brunei?

Adakah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mempertimbangkan untuk memanfaatkan pendedahan media dan filem dalam usaha mencipta tanda sedemikian?

Sebagai contoh, drama dan rancangan *variety* seperti *Outdoor Chronicles* dan *Battle Trip* pernah menampilkan Brunei namun apakah langkah-langkah konkret yang diambil untuk menjadikan lokasi-lokasi ini sebagai tarikan pelancongan seperti *K-drama landmarks* atau *K-variety hotspots*.

Di samping itu, tempat makanan di Brunei telah dikunjungi oleh orang-orang terkenal dan pembesar asing, adakah tindakan diambil bagi meningkatkan penjenamaan dan mempromosikan tempat-tempat yang telah dilawat sebagai *diplomatic hotspots* untuk menarik tarikan antarabangsa.

Akhir sekali, dengan inisiatif seperti *basic birdwatching*, *specialised tourist guide course* dan *Ulu Temburong National Parks Trail*, kita mempunyai peluang untuk menarik pencinta pemeliharaan, penyelidikan biodiversiti dan pelancong eko dari seluruh dunia.

Brunei boleh memantapkan diri secara unik sebagai destinasi pelancongan alam semula jadi dan eko-pelancongan. Memandangkan liputan hutan yang luas, biodiversiti yang kaya dan usaha pemeliharaan yang dijalankan.

Sehubungan itu, kaola ingin menjelaskan perbezaan antara pelancongan alam semula jadi dan eko pelancongan iaitu pelancongan alam semulajadi adalah pelancongan mengenai alam sekitar, manakala ekopelancongan adalah pelancongan untuk alam sekitar.

Soalan kaola ialah selain daripada bekerjasama dengan *influencer* gaya hidup adakah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mempertimbangkan untuk bekerjasama dengan sain, saintis biodiversiti atau pejuang pemeliharaan seperti Robert Irwin untuk mempamerkan ekosistem unik Brunei di peringkat global.

Dengan memperkuatkan alam semulajadi kita, Brunei boleh memperluaskan daya tarikan berdasarkan alam semulajadi dan ekopelancongan dan mewujudkan dirinya sebagai destinasi ekopelancongan utama. Itu saja, sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membahaskan Tajuk SH06A- Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi Petunjuk Prestasi Utama.

Kita melihat sasaran jumlah ketibaan pelancong akan meningkat pada tahun kewangan ini. Kaola menyambut baik pelbagai langkah yang telah diambil bagi meningkatkan daya saing negara sebagai destinasi pelancongan termasuk peluasan pasaran promosi antarabangsa serta pengukuhan infrastruktur dan perkhidmatan.

Kaola ingin menyentuh berkenaan sejauh mana industri ini memberikan impak ekonomi kepada rakyat. Strategi pelancongan perlu disokong dengan pendekatan lebih menyeluruh bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati oleh lebih ramai pihak termasuk usahawan tempatan dan komuniti luar bandar.

Salah satu aspek yang boleh diberi perhatian ialah pemerkasaan *agrotourism* dan pelancongan luar bandar sebagai sumber pendapatan baru.

Kaola melihat masih banyak potensi yang boleh dimanfaatkan secara optimum dalam sektor ini terutama dalam memasarkan hasil pertanian tempatan kepada pelancong, sebagai contoh ladang-ladang yang sudah menghasilkan produk berkualiti tinggi boleh dipakejkan sebagai pengalaman pelancongan.

Dalam menawarkan lawatan ladang aktiviti penternakan interaktif serta pameran hasil pertanian segar. Pendekatan ini bukan saja dapat menarik pelancong tetapi juga membuka peluang pekerjaan baharu kepada komuniti luar bandar.

Walau bagaimanapun salah satu cabaran utama dalam perlaksanaan *agrotourism* ialah kekurangan modal dan infrastruktur sokongan untuk petani dan penternak kecil.

Kaola mencadangkan mungkin satu mekanisme bantuan atau pembiayaan mikro boleh diperkenal bagi menyokong pengusaha luar bandar yang berminat untuk menyertai sektor pelancongan.

Selain itu juga, rangkaian perniagaan tempatan perlu diperkuuh dalam industri pelancongan meskipun usaha telah dilakukan untuk melibatkan masyarakat setempat, masih terdapat cabaran dalam memastikan produk dan perkhidmatan tempatan benar-benar menjadi pilihan utama dalam ekosistem pelancongan.

Sebagai langkah tambahan, kaola mencadangkan satu program insentif kepada hotel, restoran dan pengusaha pelancongan untuk mengutamakan penggunaan bahan tempatan dalam penyediaan makanan dalam perkhidmatan mereka.

Selain itu, industri kraftangan dan budaya perlu ditingkatkan dengan memberi lebih banyak ruang kepada produk tempatan dalam acara hub pelancongan dan pusat beli belah utama.

Kaola juga melihat keperluan untuk meningkatkan kapasiti dan latihan kepada usahawan kecil dalam sektor

pelancongan agar mereka lebih bersedia untuk bersaing di pasaran.

Dengan pendekatan ini, kita bukan sahaja dapat memperkuuh penglibatan usahawan tempatan tetapi juga memastikan setiap perbelanjaan pelancongan benar-benar memberi impak langsung kepada ekonomi negara. Dalam usaha menjadikan sektor pelancongan sebagai pemacu ekonomi negara, keberkesanan setiap pelaburan yang dibuat perlu diukur dengan lebih holistik.

Oleh yang demikian, Petunjuk Prestasi Utama *KPI* sektor pelancongan tidaklah hanya tertumpu kepada jumlah ketibaan pelancong tetapi turut mengambil kira kadar perbelanjaan pelancong dalam ekonomi tempatan, peningkatan penggunaan produk tempatan dalam industri pelancongan serta perkembangan peluang pekerjaan dan perniagaan dalam sektor ini.

Dengan itu kita dapat memastikan setiap strategi yang dilaksanakan benar-benar memberikan impak ekonomi yang diharapkan, sekali gus memperkuuh peranan sektor pelancongan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengurus.

Yang Berhormat Pengurus: Dan sekarang saya akan membacakan kumpulan yang, Ahli Yang Berhormat yang dalam kumpulan yang kedua, yang didahului dengan Yang Berhormat

Awang Lau How Teck, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan dan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin. Silakan.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck:

Yang Berhormat Pengurus. Kaola ingin menumpukan perhatian kepada Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan khususnya kod 1210, mengukuhkan sekuriti makanan.

Dalam usaha memperkuuh sekuriti makanan negara, kita tidak boleh hanya melihat kepada isu pengeluaran semasa tetapi perlu memastikan rantai bekalan, kapasiti pengeluaran dan daya saing petani serta penternak dapat ditingkatkan secara berterusan.

Sektor pertanian tidak hanya memerlukan insentif tetapi perancangan yang lebih strategik dalam meningkatkan kapasiti dan segala operasi supaya industri ini benar-benar boleh menyumbang kepada ekonomi negara dan lebih mampan.

Kaola ingin memberi tumpuan kepada pengeluaran daging, ayam dan telur sebagai komoditi utama sekuriti makanan. Salah satu cabaran terbesar ialah daya saing pengusaha kecil dan sederhana *SME farmers* yang masih kekal dalam skala kecil tanpa peningkatan kapasiti yang signifikan.

Jika objektif kita adalah untuk meningkatkan pengeluaran dan keuntungan maka modal pemberian tanah kepada petani perlu disesuaikan dengan keperluan sebenar pengeluaran komersial.

Pada masa ini, skim yang sedia biasanya menawarkan 2 hektar tanah kepada petani *SME* tetapi jika pengusaha ingin benar-benar melihat keuntungan yang lebih besar dan meningkatkan sumbangan kepada sekuriti makanan negara, saiz pegangan tanah ini perlu digandakan kepada sekurang-kurangnya 4 hektar ataupun lebih dengan skala yang lebih besar barulah pengusaha boleh menggandakan atau mempercepatkan kadar pengeluaran mencapai jumlah yang lebih *comparative* serta memastikan pulangan modal yang lebih mampan.

Selain kapasiti pengeluaran, isu selepas tuai *post-harvest* juga menjadi cabaran utama terutama dalam aspek penyimpanan stok hasil pertanian. Dalam banyak kes petani mengalami kerugian akibat ketiadaan fasiliti penyimpanan yang sesuai terutamanya untuk hasil yang cepat rosak seperti sayur-sayuran dan buah-buahan.

Oleh itu, kaola berpandangan terdapat keperluan untuk membangunkan *cold storage* yang lebih sistematik dan boleh diakses oleh petani tempatan. *Cold storage* bukan sahaja penting untuk mengelakkan pembaziran dan kerugian akibat hasil yang tidak dapat dijual secara segera, tetapi juga memberikan

lebih fleksibiliti kepada petani dalam menetapkan harga jualan kerana mereka tidak terpaksa menjual hasil mereka dengan segera pada harga rendah.

Jika fasilti penyimpanan ini disediakan secara berpusat atau dalam bentuk kerjasama antara petani *SME*, ia boleh menjadi *game-changer* dalam mengukuhkan daya saing sektor ini.

Satu lagi aspek yang perlu diberi perhatian ialah diversifikasi tanaman berdasarkan tren semasa. Kebanyakannya petani hanya menumpukan kepada satu atau dua jenis tanaman menyebabkan ketiadaan seimbangan dalam bekalan dan pasaran.

Apabila ramai petani menaman hasil yang sama, bekalan berlebihan menekankan harga pasaran menyebabkan keuntungan lebih sukar dicapai.

Oleh itu, kaola mencadangkan program latihan dan bimbingan petani harus lebih memberi fokus kepada kepelbagaiannya hasil tanaman serta strategi pensesuaian kepada permintaan pasaran.

Jika pengeluaran tidak hanya bertumpu kepada komoditi yang sama, kita boleh mengurangkan risiko ketiadaan seimbangan dalam pasaran dan memastikan petani mempunyai lebih banyak pilihan untuk meningkatkan keuntungan mereka.

Diversifikasi ini juga boleh mengurangkan kebergantungan kepada import dan dalam beberapa komoditi yang terpilih selari dengan agenda sekuriti makanan negara.

Sekian sahaja dari kaola. Terima kasih atas masa yang diberikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola merujuk kepada Tajuk SH04A - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kod 002-000 - Pengurusan Perkhidmatan Pertanian dan Agrimakanan. Berkennaan dengan objektif program antaranya membantu proses pembinaan teknologi bagi keperluan dalam meningkatkan produktiviti dan pengeluaran hasil pertanian dan agrimakanan secara berterusan, *sustainable* bagi semua daerah.

Ini juga dinyatakan melalui Kod 002-001 yang mana sejumlah \$523,500 Peruntukan bagi Tahun 2025/2026 disediakan melalui Perbelanjaan Berulang-Ulang.

Kaola ingin tahu, apakah bentuk perpindahan teknologi yang dimaksudkan dan apakah usaha ini memberi manfaat kepada *estate farmers* atau pengusaha sahaja ataupun secara menyeluruh.

Seterusnya, didalam usaha ke arah memperkasakan penanaman padi dikalangan petani tempatan, apakah usaha dan perancangan pihak kerajaan mengenainya. Dan apakah ketika ini hasil-hasil *variety* lain dapat dijual kepada pihak kerajaan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi, Alhamdulillah, kaola mengucapkan terima kasih di atas peluang bagi membahaskan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Peruntukan Kewangan Tahun 2025/2026.

Kaola merujuk kepada Tajuk SH03A - Jabatan Perikanan, Kod 007-000, - Perancangan dan Perkembangan Perikanan iaitu objektif utama jabatan bagi memastikan industri perikanan sentiasa bertumbuh pesat dan *sustainable* dengan pengusaha tempatan yang signifikan supaya mereka juga dapat meraih manfaat pertumbuhan KDNK, Keluaran Dalam Negara Kasar dalam sektor perikanan.

Di dalam usaha ke arah mempelbagaikan sumber ekonomi khususnya di dalam sektor perikanan atau *industry*

aquaculture, potensi perikanan ikan hiasan adalah sangat besar, terutamanya dengan meningkatnya minat masyarakat terhadap hobi memelihara ikan serta kecintaan terhadap keindahan akuarium.

Industri ikan hias mencakup pelbagai aspek, termasuklah pembiakan ikan, penjualan ikan, peralatan akuarium, makanan ikan dan perkhidmatan berkaitan dengannya. Industri ini juga diperkasakan adalah mampu menyumbang secara signifikan kepada KDNK negara.

Justeru itu, kaola memohon pencerahan apakah industri ikan hiasan ini diusahakan di Negara Brunei Darussalam dan apakah perancangan pihak kerajaan di dalam memperluaskan industri ini.

Dalam memelihara khazanah laut negara seperti terumbu karang, *coral* apakah usaha dan inisiatif pihak-pihak berkenaan di dalam memastikan kelestarian ekosistem laut dan *biodiversity aquatik* negara kita terus dipelihara dan dijaga dari sebarang ancaman serius akibat aktiviti-aktiviti manusia.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmani Rahim. Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk kepada Tajuk SH06A - Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kod 002-001 - Meningkatkan Infrastruktur Kemudahan dan Perkhidmatan Pelancongan.

Apakah perancangan pihak kerajaan di dalam mempelbagaikan sektor pelancongan domestik termasuklah di kawasan-kawasan kampung dan menaiktarafkan perkhidmatan pelancongan ke arah yang lebih komersial serta bertaraf *high-yield tourist*.

Seterusnya, kaola merujuk kepada petunjuk prestasi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Jumlah kedatangan pelancong melalui udara, jumlah sebenar Tahun 2023/2024 ialah 159,984 orang.

Dalam pada itu, kaola ingin pencerahan dari jumlah pelancongan dari negara luar yang mencatatkan jumlah tertinggi dan apakah usaha-usaha pihak berkenaan bagi mencapai 403,155 sasaran jumlah pelancongan Tahun 2025/2026.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi.

Alhamdulillah, terima kasih di atas peluang membahaskan bagi belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan serta jabatan-jabatan di bawahnya di dalam Belanjawan Negara Tahun 2025/2026 sejumlah \$107.45 juta.

Bagi projek RKN-12 harga rancangan adalah sebanyak \$36.77 juta telah pun disokong untuk Peruntukan Perbelanjaan Kemajuan bagi Tahun Kewangan 2025/2026.

Semoga segala perancangan dapat direalisasikan dengan jayanya ke arah menyumbang kepada kemajuan negara dan memantapkan sosial ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Koala merujuk pada Tajuk SH06A - Jabatan Pelancongan, Kod 002-000 - Perkembangan Produk dan Perniagaan Pelancongan.

Kaola menyambut baik usaha-usaha pihak kementerian dalam pembangunan produk bagi meningkatkan tarikan dan juga mempelbagaikan produk pelancongan domestik dengan menyediakan *directory product* pelancongan secara *online* yang diberi nama *Explore Brunei*.

Direktori ini diharapkan dapat membantu ejen-ejen pelancongan tempatan untuk membangun pakej-pakej aktiviti dan produk-produk pelancongan yang menarik.

Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan, bilakah *Explore Brunei* ini mula dilancarkan dan apakah *directory online* ini berbentuk *mobile apps*

yang dapat dimuat turun dan dipasang dalam kedai aplikasi IOS dan juga Android.

Seterusnya, kaola memohon pencerahan mengenai dengan statistik tentang jumlah penginap desa (*homestay*) yang masih beroperasi sehingga sekarang. Dan apakah usaha-usaha ke arah memperkasakan sektor ini? Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. Kaola merujuk Tajuk SH03A, 1210 iaitu mengukuhkan sekuriti makanan dalam bidang perikanan.

Kaola merujuk Petunjuk Prestasi Utama anggaran bagi tahun 2024/2025 berjumlah \$311.69 juta. Tahun sebelumnya 2023/2024, jumlah sebenar hanya mencapai \$155.35 juta sahaja. Kalau mengikut trend ini, kaola percaya mungkin jua jumlah sebenar bagi tahun 2024/2025 ini tidak akan mencecah \$200 juta.

Mungkin Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan dapat memberi pencerahan mengenai jumlah sebenar.

Yang kaola ingin bangkitkan ialah anggaran perbelanjaan kemajuan pada tahun 2024/2025 adalah lebih kurang \$10.7 juta dan diturunkan lagi kepada \$4.7 juta pada tahun 2025/2026 ini.

Adakah kita akan mencapai sasaran berjumlah \$265.35 juta dengan hanya berbelanja \$4.7 juta pada tahun ini?

Mungkin Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan dapat memberi pencerahan mengenai analogi bisnes dengan perbelanjaan kecil tetapi asal nilai mencecah \$265.35 juta pada tahun ini.

Yang kedua, kaola merujuk kenyataan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada 15 Mac 2025 iaitu komitmen berterusan dalam memajukan sektor makanan dan pelancongan.

Terima kasih di atas perkongsian Yang Berhormat dalam merangka hala tuju pembangunan industri makanan dan mengukuhkan *food security* dengan mengenal pasti enam komoditi utama. Kaola berharap dengan usaha-usaha ini ia akan dapat memperkuuh sara diri makanan negara dan berbagai hasrat termasuk dalam kenyataan Yang Berhormat.

Dalam hal *food security* ini, kaola ada beberapa kemusyikan dan mohon pencerahan mengenai beberapa maklumat dan data yang dikongsikan:

Pertama, sangat merisaukan pencapaian sara diri bagi komoditi daging kerbau dan lembu hanya sekitar 2.3%. Seperti yang kita maklumi, ini terjadi apabila pihak kementerian lain melalui *GLC* dan syarikat swasta lain mengimport komoditi ini dari luar negara.

Kerisauan ini kaola lahirkan memandangkan kitani sudah tahu yang krisis global akan menjadikan sara diri kitani dalam komoditi ini yang masih mengharapkan pengimportan dari luar negara.

Mengikut maklumat ada satu *company* telah mengimport tahun lepas, setengah juta tan *Indian beef* untuk diproses dan jua untuk jualan langsung.

Ini baru satu *company*, persoalan kaola apakah langkah dan strategi kementerian dalam usaha mengembalikan gemilang orang kitani menternak kerbau dan lembu sendiri, seperti apa yang dibuat beberapa tahun dulunya dan pada masa yang sama, pengimportan daging luar negera yang lebih murah?

Kedua, warta keluaran pertanian dan perikanan meningkat sekitar 41% dalam tiga tahun kebelakangan. Ukuran ini mengikut kenaikan pengeluaran dalam bentuk kewangan dari \$525 juta pada tahun 2017 kepada \$742 juta setahun pada masa kini. Kaola musykil berapakah peningkatan yang sebenar dari perkiraan metrik tan?

Yang ketiga, mengenai dengan penanam padi. Alhamdulillah, sara diri bagi komoditi ini telah mencapai 8%, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ada menyasarkan peningkatan kepada 12% dalam beberapa tahun yang akan datang.

Kaola mohon pencerahan lebih lanjut bagi sasaran tahun yang dimaksudkan itu.

Yang keempat, juga mengenai penanam padi. Alhamdulillah sudah difikirkan kaedah pertanian *regenerative* untuk meningkatkan kesuburan tanah terutama sekali tanah yang *acidic*. Kaola setuju bahawa untuk mencapai sara diri dalam komoditi padi ini, tidak boleh direalisasikan secara serta merta.

Persoalan kaola, apakah pendekatan strategik yang sistematik dan mampan yang telah diberikan oleh kementerian untuk menangani faktor-faktor cabaran berkenaan?

Yang kelima, penglibatan belia dalam penanaman padi juga dikongsikan. Selepas beberapa program diungkayahkan setakat ini seramai lima orang belia aktif berpadi di kawasan Kemajuan Pertanian Wasan dengan tapak seluas 10 hektar dan seorang aktif berpadi di tepi KKP Bebuloh dengan tapak seluas 5 hektar.

Kaola mohon pencerahan berapakah unjuran kapasiti pengeluaran dalam metrik tan yang telah dan akan disumbang dari program berpadi belia ini kepada usaha sara diri komoditi ini?

Yang keenam, pihak kementerian juga menggalakkan penggunaan teknologi tinggi dan teknik moden.

Bagaimanakah kementerian menggalakkan perkara ini sedangkan

di pihak sebilangan atau sesetengah pengusaha mempunyai masalah untuk mendapatkan kuasa elektrik yang asas untuk penggunaan teknologi tersebut?

Yang ketujuh, apakah perancangan kementerian untuk melahirkan pakar dari kalangan orang Brunei kitani khusus di Jabatan Pertanian, apa yang kaola maksudkan ialah pakar yang bukan sahaja pandai teori dan pandai bercakap tetapi juga yang ada kemahiran *hands-on* dan praktikal.

Yang kelapan, kaola bagi mewakili pengusaha *MSME* berterima kasih diatas usaha-usaha melalui perundingan-perundingan pihak kementerian bersama agensi-agensi kawal selia dengan inisiatif-inisiatif bagi memudahkan para pengusaha *MSME* di sektor pertanian dan perikanan mengurangkan kos permulaan operasi ladang dan pada masa yang sama mematuhi piawaian-piawaian yang ditetapkan.

Bagi usaha dalam meningkatkan *Export Drive Initiative* pula, usaha untuk mendapatkan pengiktirafan dan akreditasi dari negara pengimpor memang amat sukar bagi pengusaha *MSME* atas sebab kos yang tinggi.

Bagi syarikat yang besar, ini mungkin tidak akan menjadi masalah bagi mereka. Untuk memastikan pengusaha *MSME* ini bangkit sama rata dengan syarikat yang besar ini, kaola ingin mencadangkan pihak kerajaan untuk menghulurkan anjakan bantuan bagi

proses pengiktirafan dan akreditasi dari negara pengimportan berkaitan.

Izinkan Yang Berhormat Pengerusi untuk satu isu lagi.

(Yang Berhormat Pengerusi memberikan isyarat memberikan kebenaran)

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Keenam dan terakhir ialah mengenai program Kod 002/000 – Pengurusan dan Pembangunan Sumber dan Industri Hutan 003/00 – *Amenity* dan Pemeliharaan Hutan.

Kaola difahamkan ada satu projek penanaman ladang hutan di Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2016. Sasaran jangka masa yang panjang projek adalah untuk membangun kawasan kira-kira 30,000 hektar bersih bagi tujuan menghasilkan pengeluaran kayu yang mampan untuk negara selaras dengan Dasar Perhutanan Negara 1989.

Seperti maklumat dari laman sesawang Jabatan Perhutanan, sejak 2016 dulu hanya sejumlah 5,211 hektar iaitu 17% telah dimajukan.

Persoalan kaola, apakah projek ladang hutan ini masih relevan untuk dimajukan setelah kali terakhir dijalankan pada tahun 2016? Jika masih relevan, berapa batang pokok kah yang telah mencapai saiznya yang besar untuk dikomersialkan untuk mendapatkan hasil?

Dan apakah hala tuju Jabatan Perhutanan bagi mencapai sasaran jangka masa panjang projek ini untuk memastikan ia mempunyai nilai tinggi komersial yang dijangkakan?

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana, minta maaf kerana mengambil masa dua minit empat puluh sembilan saat.

Yang Berhormat Pengerusi:

Kumpulan yang ketiga, didahului oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, diikuti dengan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof. Silakan.

Yang Berhormat Dayang Hajah

Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, kaola sukacita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas pembentangan komprehensif

Yang Berhormat Menteri dalam kenyataan pada hari Sabtu, 15 Mac yang lalu mengenai pencapaian dan inisiatif-inisiatif kementerian dengan kerjasama rakan-rakan strategik yang berkenaan untuk mempertingkatkan pertumbuhan industri makanan dan mengukuhkan *food security* serta mengembangmajukan industri pelancongan di negara ini.

Dalam perbahasan ini, kaola merujuk Tajuk SH02A – Jabatan Perhutanan Kod 004/000 Pengurusan dan Penyelidikan Biodiversiti Hutan dengan anggaran perbelanjaan sebanyak \$287,000.

Sukacita kaola memetik kenyataan Yang Berhormat Menteri mengenai usaha kementerian untuk mengukuhkan kerjasama dengan universiti-universiti antarabangsa dan tempatan bagi menarik lebih ramai pelajar dan penyelidik untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pendidikan yang unik dengan menawarkan pengalaman pembelajaran mendalam dalam memperkenalkan biodiversiti melalui lawatan kajian yang terancang.

Kaitan dengan itu, kaola mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri. Apakah strategi kementerian untuk meningkatkan kesedaran dan minat lebih ramai pelajar dan penyelidik antarabangsa mengenai peluang-peluang penyelidikan yang tersedia di negara ini? Adakah infrastruktur penyelidikan yang sedia ada seperti makmal lapangan dan Pusat Biodiversiti

mampu menyokong penyelidikan dan kajian yang lebih mendalam oleh penyelidik-penyelidik antarabangsa ini?

Dalam masa yang sama, bagaimanakah kementerian mengimbangi antara pemuliharaan biodiversiti dan keperluan pembangunan negara? Khususnya dalam mengawal aktiviti yang boleh memberi kesan kepada ekosistem hutan di negara ini. Sejauh manakah kementerian pasti bahawa dasar perlindungan biodiversiti yang ada, benar-benar dilaksanakan di lapangan bagi mencegah eksplotasi flora dan fauna di negara ini? Apakah rancangan pihak kementerian untuk mengatasi cabaran-cabaran berkaitan sumber kewangan dan sumber tenaga manusia dalam inisiatif-inisiatif yang dijalankan untuk mencapai objektif dan matlamat program yang dihasratkan?

Seterusnya, kaola merujuk Tajuk SH03A Jabatan Perikanan Kod 007/000 Perancangan dan Perkembangan Perikanan dengan anggaran peruntukan \$272,350.00. Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui program ini telah menetapkan fokus kepada penggunaan teknologi tinggi sebagai pemangkin untuk meningkatkan sumber industri perikanan terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar.

Antaranya melalui pelaksanaan *Recirculating Aquaculture System* untuk penternakan ikan dan udang serta aplikasi *Internet of Things* bagi pemantauan kualiti air. Ini sejajar dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri pada hari Sabtu yang lalu, mengenai keperluan inovasi dalam sistem ini. Kaitan dengan

itu, kaola mohon pencerahan, apakah perancangan dan inisiatif kementerian untuk menarik lebih ramai untuk menarik minat lebih ramai pengusaha-pengusaha warga tempatan untuk mengadaptasikan penggunaan teknologi ini dalam pengusahaan mereka.

Dari aspek pemilikan peralatan, bagaimanakah kementerian merancang untuk memudahkan akses kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang terdiri dari kalangan belia-belia yang berminat untuk menggunakan kaedah-kaedah baru dan teknologi tinggi ini? Adakah terdapat usaha untuk bekerjasama melalui *joint venture* atau *partnership*? Contohnya, dengan penyedia teknologi dengan menawarkan harga yang lebih kompetitif atau menyediakan program-program insentif seperti subsidi dan pinjaman mudah untuk menyokong usaha mereka ini.

Dalam aspek pengetahuan dan kemahiran pula, apakah jenis sokongan berterusan yang akan diberikan untuk memudahkan pengusaha-pengusaha ini memahami dan mahir dalam penggunaan teknologi yang berkesan dan sentiasa mengikuti perkembangan terkini?

Akhirnya, langkah-langkah ini kaola rasakan penting untuk dirancang dengan teliti bagi memastikan bahawa pelaburan besar dalam penggunaan teknologi ini benar-benar memberikan manfaat kepada sektor perikanan dan ekonomi negara secara keseluruhan. Dengan pelaksanaan strategi yang jelas, pengusaha tempatan dapat

diberdayakan untuk memajukan sektor ini sambil menyumbang kepada pembangunan mampan negara.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada berapa soalan yang ingin kaola kemukakan. SH02A Jabatan Perhutanan, Perbelanjaan Kemajuan RKN \$18.45 juta di bawah Kod 1207, Mengukuhkan Kelestarian Alam Sekitar Perhutanan dan Kod 1214, Pembangunan Industri Perhutanan *budget* RKN ialah \$18.48 juta. Kaola mohon pencerahan bagaimana projek-projek ini akan dapat mengukuhkan kelestarian alam sekitar perhutanan dan membangunkan industri pembangunan negara? Adakah sudah perbincangan awal telah diusahakan dengan industri-industri pelajaran dan saintis dalam dan luar negeri untuk membantu membuat penyelidikan dalam industri ini?

SH03A, Jabatan Perikanan perbelanjaan RKN \$20.619 juta. Beberapa projek dari Kod 120 1210/008 hingga Kod 1210/012, Memajukan dan Membuka Tapak-Tapak Bagi Industri Akuakultur, Meningkatkan Infrastruktur Kawasan Tapak Akuakultur Yang Sedia Ada, Kawasan Tapak-Tapak Akuakultur Yang Baru dan Menyediakan

dan Menaik Taraf Infrastruktur Bagi Kemudahan Nelayan Kecil-kecilan.

Terdapat banyak projek yang dirancang, tetapi bagaimanakah pihak kementerian memastikan projek-projek ini memberikan manfaat khusus dan keutamaan kepada pengusaha-pengusaha anak tempatan serta sekali gus menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada warga tempatan? Sambil menunggu kemajuan mencapai tahap *self-sufficiency*, kaola berpendapat, pihak kementerian perlu membangunkan strategi alternatif yang dapat memberikan keselamatan bekalan, *security of supply*.

Kod 001/000, Dasar Pentadbiran dan Kewangan. Macam mana meningkatkan penglibatan belia dengan mekanisasi dan *automation*? Kaola difahamkan pengusaha-pengusaha dalam sektor pertanian, agromakanan, industri padi, perikanan, masa kini 60% ke 70% daripada warga emas, pesara. Kaola menyambut baik atas pelbagai usaha kementerian untuk melibatkan peladang-peladang muda, belia, golongan profesional dalam sektor-sektor ini. Walau bagaimanapun, penyertaan golongan-golongan muda masih di tahap rendah.

Ada salah tanggapan mengatakan anak muda kitani segan bekerja keras, inda mau bepanas, inda bekarih, inda mau lantas inda mau bejarih. Namun realitinya, ramai anak-anak tempatan yang sanggup bekerja di luar pantai, berbulan-bulan berpisah dari keluarga

dalam industri perkapalan dan industri minyak yang lebih mencabar dan menuntut ketahanan fizikal serta mental yang dan dalam kondisi yang kurang selesa. Mereka sanggup menghadapi risiko dan bekerja kerana pekerjaan itu dianggap berbaloi.

Apakah langkah-langkah perubahan yang perlu diperkenalkan untuk memastikan pekerjaan dalam sektor pertanian, agromakanan, industri padi dan perikanan berbaloi? Sebagai insentif untuk menarik golongan belia seperti transformasi ke arah mekanisasi moden dan teknologi sambil memberi jaminan pasaran untuk produk-produk yang disokong agar pendapatan mereka berbaloi dengan usaha-usaha yang mereka yang mereka berikan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pengerusi. Wassalam.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyentuh Tajuk SH02A, Jabatan Perhutanan. Petunjuk Prestasi Utama jabatan, iaitu hasil jualan industri hiliran berasaskan kayu bagi tahun 2023 dan 2024, jumlah sebenar \$11.61 juta dan sasaran bagi tahun 2025/2026 berjumlah \$9.25 juta.

Mohon pencerahan mengenai hasil jualan ini. Apakah diperolehi dari jualan domestik atau penjualan luar negara melalui aktiviti eksport? Dan apakah usaha-usaha bagi memperkayakan industri produk kayu agar terus relevan dalam pasaran memandangkan produk-produk *artificial look like wood* banyak digunakan di pasaran?

Di dalam usaha menangani isu perubahan iklim dan alam sekitar, apakah aktiviti penebangan kayu di Negara Brunei Darussalam oleh pengusaha *sawmill* tempatan dikurangkan dan apakah langkah-langkah penguatkuasaan dilaksanakan bagi memantau kegiatan penebangan pokok secara haram?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Kaola mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang telah banyak menyentuh isu-isu yang kaola ingin bangkitkan dan telah pun banyak ditimbulkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang lain. Jadi, kaola indalah akan banyak berpanjang berbicara.

Bis kaola ingin menyentuh saja sebagai kementerian yang bertanggungjawab dengan pengeluaran hasil pertanian dan agrimakanan dan perikanan dan juga pelancongan, setentunya keupayaan dan

kejayaan kementerian menjadi perhatian terutamanya dalam dua sektor ini iaitu perindustrian makanan dan pelancongan.

Alhamdulillah, dari laporan kementerian terdapat hasil dan sasaran peningkatan yang amat ketara. Diharap dengan peruntukan yang akan diluluskan nanti kementerian akan mencapai matlamatnya iaitu menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar, KDNK.

Kaola juga ingin menyentuh sedikit Tajuk 006/000 iaitu mengenai dengan memantau ladang pertanian bagi meningkatkan produktiviti tapi kaola perhatikan bahawa dalam perjawatan yang disediakan bagi kakitangan pada tahun 2025/2026, terdapat pengurangannya. Kaola berharap ini tidak akan menjelas usaha pihak kementerian untuk memajukan sektor ini.

Begini juga dalam bidang industri pelancongan yang mempunyai banyak potensi ekonomi. Kaola berharap kita akan berjaya menarik lebih banyak pelancong asing ke negara ini terutamanya jika kita mempunyai *targeted countries* seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk datang ke Brunei.

Kaola merujuk Petunjuk Prestasi Utama Jabatan Pelancongan, SH01A dan kaola tertarik dengan *indicator* purata perbelanjaan setiap pelancong sehari yang hanya \$140.00 sehari. Kaola

attribute perkara ini kepada mungkin tidak ada sesuatu yang menarik bagi mereka untuk berbelanja di negara ini atau tidak banyak pakej pelancong yang menarik bagi mereka.

Kaola juga melihat bahawa kebanyakkan pelancong ini hanya menginap atau pun singgah di negara ini untuk beberapa hari saja sebelum meneruskan perjalanan ke destinasi lain. Dan kaola juga mendapat maklum daripada *money changer* misalnya pelancong datang ke negara Brunei ini hanya menukar sedikit saja wang untuk makan dan berbelanja mungkin di Pasar Malam saja barangkali.

Sementara Orang Brunei kitani kalau menukar duit di *money changer* akan menukar dengan banyak duit untuk berbelanja di luar negeri. Jadi, kaola berpendapat perkara macam anि perlu di *balance* dengan perbelanjaan-perbelanjaan di dalam negeri juا bagi pelancong-pelancong ini dan kaola berpendapat jika kita dapat mempromosikan lagi pelancongan anि melalui pakej-pakej tertentu yang lebih menarik, mungkin mereka akan dapat memikirkan mahu tinggal lebih lama dan berbelanja di sini.

Dalam perkara ini kaola melihat kolaborasi di antara Brunei, negara kita dengan negara-negara jiran adalah satu cara mungkin untuk menarik pelancong ke negara kita.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Johan Pahlawan Dato Seri Setia
Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia
Haji Md. Yusof:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Alhamdulillah, kita telah pun mendengar rakan-rakan Berhormat telah menimbulkan beberapa isu yang ingin kaola utarakan. Walau bagaimanapun, sebagai *value added*, kaola ingin membangkitkan dua perkara saja.

Pertamanya, di bawah Tajuk SH04A – Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kod 002/000 – Pengurusan Perkhidmatan Dukungan Pertanian dan Agrimakanan yang antaranya berhasrat mendukung serta menyokong industri pertanian dan agrimakanan ke arah pengeluaran yang optima.

Kaola mengalu-alukan malahan menyokong program ini bukan sahaja untuk dirancang tetapi juga mestilah diadakan penyelidikan melalui kaedah R&D disertai dengan kaedah pemantauan yang berterusan bagi memastikan ianya benar-benar mendatangkan impak yang signifikan dalam usaha meningkatkan produktiviti dan seterusnya pengeluaran secara berskala besar bagi pelbagai jenis produk dalam industri pertanian dan makanan.

Di samping itu, mampu memacu perkembangan perekonomian negara malahan juga meningkatkan kadar sara hidup dan mengukuhkan *food security*

negara. Di sini kaola ingin memfokus dengan pengeluaran daging, kerbau dan lembu di mana mengikut pencapaian sara diri terkini pada tahun 2022 hingga 2024 hanyalah mencapai 2.3%.

Dalam pemerhatian kaola, dalam kategori sara diri bekalan makanan pengeluaran daging, kerbau dan lembu adalah yang paling terendah dibandingkan dengan komoditi makanan yang lain di mana Alhamdulillah, bagi ayam daging 100%, telur ayam 103%, sayur tropika 72% dan lain-lain. Dalam situasi ini, kaola memohon pencerahan apakah punca atau cabaran-cabaran utama negara ini hanya mencapai sara diri bagi pengeluaran daging dan kerbau hanya setakat 2.3%?

Di samping itu, apakah perancangan atau inisiatif-inisiatif dalam jangka pendek, sederhana dan panjang bagi meningkatkan lagi kadar pencapaian yang lebih tinggi daripada apa yang dicapai pada masa ini?

Keduanya, kaola ingin merujuk kepada Kod 003/000 – Pengurusan Biosekuriti dan Akses Pasaran di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala kerana Negara Brunei Darussalam di mana kaola mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak berkepentingan atas kejayaan yang membanggakan di mana mampu menembusi mengeksport produk-produk makanan ke pasaran serantau misalnya ke Singapore dan Sabah iaitu dari *PDS Abattoir Sdn Bhd, Royal Brunei Culinary*

Sdn Bhd dan *BMC Food Industries* dan juga daripada Syarikat *Ghanim International Corporation Sdn Bhd, Sabli Food Industries* dan lain-lain.

Bagi kaola, produk-produk yang berpotensi untuk dieksport perlulah diberi galakan terutama sekali dalam aspek kualiti produk bagi memenuhi piawaian-piawaian antarabangsa di samping berusaha meningkatkan kuantiti secara berskala besar untuk menambahkan lagi eksport negara untuk diperluaskan, bukan saja di negara-negara serantau malahan Insya Allah di peringkat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, kita perlu juga bersiap siaga menghadapi sebarang cabaran berkemungkinan akan menghadapi risiko-risiko yang boleh merencangkan perancangan dan pengeluaran produk dari aspek-aspek yang dikenal pasti, antara lainnya seperti berikut:

Pertama, kemungkinan kelambatan untuk mendapatkan bahan-bahan mentah atau *raw materials* dari luar negeri yang boleh menjadikan pengeluaran secara berterusan;

Kedua, keperluan mewujudkan R&D dan inovasi bagi mempastikan meningkatkan produktiviti;

Ketiga, inovasi meningkatkan kualiti produk promosi pemasaran. Ini dihasilkan untuk lebih berdaya saing dan berdaya tahan sehingga membesar ke pasaran di peringkat global;

Keempat, cabarannya juga ialah bagaimana mengekalkan kualiti bagi memenuhi *standard* piawaian mengikut kehendak negara-negara mengimport. Brunei Darussalam *Food Authority* juga berperanan penting bagi mendukung produk-produk makanan tempatan untuk memenuhi piawaian dan *standard* antarabangsa termasuk negara-negara pengimport.

Sehubungan dengan ini, kaola mohon pencerahan bagaimanakah kaedah dan tatacara supaya lebih proaktif dalam menangani cabaran-cabaran tersebut? Ini adalah juga bagi mempastikan, mengukuhkan kepercayaan atau pun *reliability* untuk mengeluarkan dan menghasilkan produk-produk secara berkonsisten dan keterjaminan negara-negara luar terhadap kualiti produk-produk keluaran Negara Brunei Darussalam.

Sekian, kaola akhirnya mengucapkan Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan sekali lagi kaola mengucapkan berbanyak terima kasih pada Yang Berhormat Pengerusi memberi peluang kepada kaola.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya akan memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memberikan ulasan atau pun responsnya terhadap perbincangan ataupun cadangan-cadangan ataupun

soalan-soalan yang telah dikemukakan tadi. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu, kaola ingin mengucapkan terima kasih dan menjunjung kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas pertanyaan-pertanyaan dan cadangan serta idea baru yang diutarakan semasa sesi perbahasan di peringkat jawatankuasa bagi tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebentar tadi.

Kaola secara umumnya sangat mengalu-alukan dan menyambut baik akan segala cadangan-cadangan yang bernes dan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Insya Allah, mana-mana cadangan yang bagus yang belum dilaksanakan dan jika bersesuaian akan dipertimbangkan oleh kementerian ini untuk dilaksanakan.

Di kesempatan ini juga, Insya Allah, kaola akan cuba menjawab sebarang soalan dan memberikan maklum balas pada cadangan-cadangan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam masa yang dihadkan. Namun demikian, jika tidak berkesempatan untuk menjawab memberikan respons kaola akan menjawab secara bertulis.

Seterusnya, izinkan kaola beralih untuk menjawab dan memberikan respons pada perkara-perkara yang di kemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Walaupun mangkali, jawapan abis kaola ani nada mengikut *sequencing* kali melompat-lompat tapi, Insya Allah akan dicuba menjawab, kalau anda cukup akan disertakan dengan jawapan bertulis.

Yang pertama sekali ialah, soalan cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan berkenaan dengan satu cadangan berkenaan dengan mengadakan satu kawasan untuk khas sebagai Kampung Budaya. Jadi dengan adanya Kampung Budaya ini akan dapat mengelakkan daripada pelancong-pelancong terpaksa berjalan jauh bagi menikmati dan juga melawat ke puak-puak asli yang 7 puak di Negara Brunei Darussalam. Insya Allah ini akan dilihati ni, akan dirunding dengan juga *relevant* kementerian akan kesesuiannya dan jika, Insya Allah kalau ada tempat yang sesuai akan dipertimbangkan.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim berkenaan dengan pencejajaran agensi-agensi untuk memastikan bahawa ekosistem yang ada masa ini untuk memajukan industri pelancongan berjalan dengan lancar dan efisien. Ini memang andang macam atau lahir rasa hati dan juga niat kementerian ini untuk memastikan bahawa proses ketibaan pra *arrival* dan hingga *arrival*

dan seterusnya masa di Brunei dan terus balik atau berjalan dengan lancar.

Jadi sebagai usaha kementerian-kementerian, pihak kementerian dalam melaksanakan pelan hala tuju telahpun menjadi *guideline principle* untuk memastikan *the whole ecosystem* di *take into consideration*. Jadi terdapat 4 *working committee* ditubuhkan dimana *Working Committee on Connectivity, Infrastructure, Manpower, and also Product Enhancement* untuk melihat *the whole value system* ini untuk memastikan bahawa tidak ada *gaps* dalam ekosistem yang ada.

Insya Allah dengan adanya jawatankuasa ini yang tergantung, yang apa ini, yang melibatkan agensi-agensi berkenaan, *Immigration* dan juga apa namanya, Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Daerah dan juga para-para pihak hotel dan juga, apa namanya, penyedia-penyedia produk pelancongan akan dapat terlibat membincangkan dan mengatasi sebarang cabaran yang dihadapi di sana.

Dari segi meningkatkan kapasiti dalaman memang diakui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mempunyai jabatan yang kecil dalam kemajuan pelancongan ini, memang akan terus diusahakan untuk meningkatkan lagi kapasiti dengan *innovative ways to enhance and enable the capacity* itu diperkembangkan dengan menggunakan teknologi yang ada.

Dari segi mengukuhkan *infrastructure* memang dalam RKN terdapat 2 projek pengukuhkan infrastuktur asas dan kemudahan awam tempat-tempat menarik pelancongan di negara ini serta meningkat industri pelancongan di negara ini yang mana peruntukannya masa anjuran rendah. Tapi Insya Allah, kalau sekiranya *we are ready to implement* usulnya *ready to implement we will go back to the* jawatankuasa untuk memohon peruntukan tambahan bagi membolehkan projek-projek ini dilaksanakan pada tahun ini.

Bagi soalan daripada Yang Berhormat Chong Chin Yee, berkenaan dengan memanfaatkan media dan filem untuk mencipta mempromosikan mercu tanda bagi untuk, apa ni, mempromosikan Brunei sebagai satu destinasi pelancongan. Sebenarnya, media dan filem mempunyai potensi yang besar untuk digunakan sebagai alat bagi mempromosikan mercu tanda pelancongan di Negara Brunei Darussalam. Walaupun masih berada di peringkat awal, pelbagai usaha telah dijalankan untuk menarik banyak penggambaran di negara ini, bagi menggambarkan keunikan dan keindahan negara ini.

Kementerian mengambil maklum mengenai beberapa produksi antarabangsa telah memilih Negara Brunei Darussalam sebagai lokasi penggambaran dan termasuk *Law of The Jungle* pada 2015. *Battle Trip*, 2017. *Asadal Chronicles* 2018 dan *Top Gear*, 2018. Penggambaran ini memberi impak

positif seperti peningkatan pelancongan dari Korea yang telah meningkat 53% daripada tahun 2015 hingga 2019 dengan disokong oleh penerbangan terus Brunei-Korea.

Alhamdulillah, baru-baru ini pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah juga berkerjasama rapat dengan TV Indosiar bagi memaparkan pengalaman Ramadan sebagai *Islamic Tourism* untuk menarik lebih ramai, apa namanya, pelancong-pelancong dari Indonesia untuk menghayati bulan Ramadan di negara ini. Dengan Indosiar anjuran, mereka telah mempublish, apa namanya, menerbitkan series Ramadan di Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah, jadi ini memang satu strategi yang akan diambil. Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pelancongan dengan kerjasama dengan pihak penerbangan dan juga agensi-agensi pelancongan dan perhotelan akan sentiasa berusaha untuk menarik lebih-lebih lagi program-program TV ataupun penggambaran-penggambaran film berdatang ke Brunei untuk memastikan bahawa negara anjuran menjadi satu destinasi *indirectly* daripada penerbitan film atau, apa namanya, rencana-rencana TV itu tersebut.

Selain daripada bekerjasama dengan influencer gaya hidup, kementerian juga melibatkan saintis biodiversiti dan pencipta kandungan khusus dalam pemeliharaan alam. Anjuran soalan berkenaan dengan anjuran, bukan apa,

tourist alam semulajadi ataupun eko pelancongan.

Jadi disini untuk menarik eko pelancongan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, kami pihak kementerian telah pun, anu ah, membuat inisiatif-inisiatif seperti berikut, termasuk *Scientific Exhibition* di hutan Batu Apoi, Temburong bertemakan *Exploring Brunei Darussalam's Biodiversity* dan *Brunei Darussalam Conference on Biodiversity* sempena MYCE, 2024 anjuran perhutanan dan pihak UBD yang menarik penyertaan penyelidik-penyelidik antarabangsa daripada, seperti daripada Singapura.

Selain itu, *Taxon Expedition* yang berpangkalan di UK. Sebuah organisasi yang khusus dalam eksplorasi biodiversiti dan penyelidikan alam sekitar yang berpusat di, *sorry* bukan UK, di Netherlands secara berterusan dan bekerjasama dengan UBD dalam menganjurkan *rainforest expedition* setiap tahun di Taman Ulu Temburong.

Negara ini juga telah mencalonkan beberapa taman-taman rekreasi untuk disenaraikan sebagai *Queen's Commonwealth Canopy* yang mengiktiraf komitmen terhadap pemeliharaan hutan hijau, hujan negara ini. *Tropical Biodiversity Research Centre* anjuran UBD, *sorry*, *Tropical Biodiversity Research Experience* anjuran UBD pada Julai ini akan memberi peluang pada penyelidik antarabangsa untuk meneroka khazanah *biodiversity* Brunei.

Sebagai usaha lanjutan tahun ini, pihak kementerian akan menganjurkan *Forest to Reef Expedition*, sempena MYCE 2025 dengan menjemput penyelidik dan *content creator* dari YouTube untuk menyertai eksplorasi ini. Selain itu, tokoh-tokoh terkenal, iaitu *specialist* pemerhati burung dan pemeliharaan alam sekitar seperti Dominic Couzens, seorang penyumbang artikel *Bird Watching* dan *BBC wildlife*. Jack Baddams, Neil Glen and Elle Kaye. dari United Kingdom akan bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk mempromosi dan memperkuuhkan kedudukan Brunei Darussalam sebagai destinasi utama di rantau ini dari segi ekopelancongan dan kajian *biodiversity*. Insya Allah, dengan adanya inisiatif ini, bukan saja kitani membawa *normal tourist*, orang biasa malah juga *educational tourist*, *research tourist* ke negara ini.

Berkenaan dengan isu dan juga cadangan berkaitan sektor pelancongan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, pada beberapa kali, sekali, kementerian sangat menghargai sokongan dan cadangan Yang Berhormat untuk memperkuuhkan sektor agripelancongan dan pelancongan luar bandar khususnya memaksimumkan impak ketibaan pelancong kepada ekonomi demestik dan mengasaskan penglibatan usahawan tempatan sektor ini.

Mengenai dengan cadangan berkaitan *agritourism* dan juga pelancongan luar bandar. Menyedari potensi besar sektor

ini, kementerian telah pun memulakan usaha membangunkan aktiviti agripelancongan dan pelancongan luar bandar di negara ini. Memandangkan pelancongan bukan aktiviti utama peladang, di antara langkah awal yang dibuat oleh kementerian ini ialah memberikan kefahaman mengenai konsep *agritourism* dan latihan dalam merancang pakej pelancongan yang menarik, mampan sesuai dengan permintaan pelancong dan juga harga yang berpatutan bagi pelancong berpuas hati dengan pengalaman yang ditawarkan tanpa juga menjelaskan pengeluaran hasil tanaman bagi ladang-ladang mereka.

Dalam pada itu, sebenarnya platform *agritourism* ini bukan saja bertumpu kepada pemasaran dan penjualan hasil produk-produk pertanian sahaja. Kementerian juga menggalakkan pameran penjualan hasil kraftangan ertinya bukan saja seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi untuk hasil pertanian malah juga pihak kementerian juga menggalakkan untuk menunjukkan juga hasil kraftangan dan juga agrimakanan serta aktiviti-aktiviti perundingan kampung. Jadi ia lebih, *more* kaya daripada anu, dan menarik untuk pelancong-pelancong untuk datang berkunjung ke negara ini.

Dan berkenaan dengan menggalakkan pemasaran produk tempatan yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi sebenarnya antara langkah yang lain untuk pihak kementerian menggalakkan penggunaan produk-produk tempatan

ialah menjadikan *booth* dan *outlets* di *Kampong Ayer Cultural Tourism Gallery* dan *Terminal Cruise Ship Centre* di Pelabuhan Muara serta bagi memberikan peluang pelancongan yang tiba melalui kapal persiaran membeli belah produk tempatan.

Penganjuran Ekspo Kayu Tempatan dan *Local Product Expo* pun juga diketengahkan untuk mempromosikan produk tempatan, di samping itu bekerjasama dengan Jabatan Daerah seperti dalam Jabatan Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memperkuatkan lagi produk tempatan dengan ditawarkan lokasi-lokasi strategik dan menggalakkan perundingan kampung untuk merebut peluang menjadi anu ah, menjadi lebih keusahawanan tempat-tempat yang sering dikunjungi oleh pelancong-pelancong seperti Hutan Rekreasi Luagan Lalak dan yang lain. Di samping itu juga, restoran tempatan juga telah ditubuhkan di Taman Rekreasi Bukit Patoi bagi membolehkan pelancong-pelancong merasai juga, makanan-makanan tempatan di negara ini.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Awang Lau How Teck, iaitu skim yang tersedia biasanya menawarkan 2 hektar tanah kepada pertanian SME tetapi ia cuma *profitability* nya adalah *limited* dan kalau boleh ditambah lagi. Atu memang dasar pihak kementerian, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan di mana pada awalnya walaupun diberi tanah untuk berusaha ayamkah, sayurkah, 2

hektar tapi di bawah Skim Perintis *you can increase it into 4 hectare*, 4 hektar. Jadi mana-mana syarikat yang berminat untuk menambah tanahnya atau untuk mengusahakan adalah sangat-sangat dialukan. Di samping itu ada jua seperti telah kaola nyatakan dalam *my statement last saturday* bahawa skim penambahan tapak pun ada disediakan selain daripada Skim Perintis, Skim Penambahan Tapak pun disediakan untuk membolehkan syarikat-syarikat menambah kawasan tapak perusahaan mereka dengan senang. Jadi adalah sangat-sangat dialu-alukan kepada peladang-peladang dan pengusaha-pengusaha pertanian dan perikanan untuk datang ke kementerian ini untuk memohon kalau meminta tambah kawasan yang telah diperuntukkan.

Berkenaan dengan *post-harvest waste* masa ani, isu-isu selepas tuai yang banyak apa ni yang rosak, cadangan membangun *cold storage* yang diutarakan oleh Yang Berhormat, kementerian ini mengakui kepentingan *scientific cold storage* dalam mengawal kualiti hasil pertanian dan melengkapkan *supply chain* pertanian. Kementerian ini mengambil baik cadangan ini dan pandangan Yang Berhormat Awang Lau How Teck mengenai pembangunan yang lebih bersistematik bagi mengurangkan kesan kerugian selepas tuai ke atas dan hasil tanaman peladang. Di mana kebanyakannya seperti daripada penelitian pihak abiskaola *waste* daripada lepas tuai ani kalau tidak ada *dimange well* akan mencapai sebanyak

20% ke 40% daripada hasil ladang yang diharvest.

Jadi sebagai langkah proaktif, dua inisiatif utama telah dirancang, jangka pendek pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama BEDB telah pun berunding dengan sebuah syarikat untuk memperkenalkan penggunaan *mobile cold storage*, unit yang boleh membantu dan memudahkan para pengusaha pertanian terutama sekali SME menguruskan hasil pertanian dengan lebih cekap. Dalam jangka Panjang, sebuah pusat rantaian bekalan sejuk akan dibangunkan di Kawasan Kemajuan Pertanian, pertanian laut, merangkumi pengumpulan pengedaran, penyimpanan sejuk dan pemprosesan hasil pertanian melalui tawaran terbuka kepada syarikat yang berkelayakan. Alhamdulillah, insya Allah dengan adanya karang pusat ani yang mana dijalankan secara komersial akan dapat membantu para-para peladang kitani terutama sekali yang SME untuk mengurangkan *waste* daripada *post-harvest* tersebut dan seterusnya meningkatkan lagi kualiti barang pertanian yang ada dijual di negara ini dan seterusnya membolehkan kitani juga mengeksport di luar negeri.

Selain daripada itu, kementerian turut menyediakan latihan pengendalian selepas tuai, *post-harvest handling* di Seksyen Kawalan Kualiti dan Keselamatan Tanaman, Bahagian Industri Tanaman di Kawasan Kemajuan Pertanian Tungku, bagi memastikan

peladang dapat menguruskan hasil mereka dengan lebih efisien dan mengurangkan kadar kehilangan produk.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan secara terus menerus menggalakkan syarikat-syarikat untuk mempunyai kemudahan bilik sejuk. Dengan adanya penyimpanan sejuk juga peladang boleh menghasilkan tanaman secara berterusan dan membolehkan pengurusan stok yang lebih baik dan memastikan bekalan sentiasa tersedia serta mengurangkan kerugian selpas tuai. Ini juga memudahkan syarikat-syarikat dalam menguruskan bakalan mengikut keperluan permintaan tanpa menjelaskan kualiti dan nilai pasaran hasil tersebut.

Menyentuh kepada diversifikasi tanaman pula seperti yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat tadi, memang diakui bahawa kitani punya *farmers* ani, *style* nya lain ni, ia terikut-ikut. Kalau sekiranya ada *farmers this year* beroleh keuntungan dalam bertanam *salad* jadi *next year* atau musim selepas ini kebanyakkan ladang-ladang akan ikut-ikut serta. Jadi dengan adanya semua orang ikut serta menyebabkan berlebihan bekalan dan menyebabkan *collapse* harga-harga tersebut.

Jadi adalah sudah pun di *advice* dan diberi nasihat kepada peladang-peladang untuk supaya men-*diversify* produk mereka, jangan terlalu mengikut kepada produk-produk dalam tren. Kerana seperti yang telah disediakan, terdapat *commodity focus* serta produk-produk

fokus yang telah disediakan oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dimana dengan adanya *commodity focus* ani iaitu *commodity focus* ani seperti tomato, lada dan juga ada yang banyak yang didapati kurang masa ani ataupun masih banyak diimport, boleh ditanam oleh syarikat-syarikat yang ingin men-*diversify* ia punya pengeluaran sayur-sayuran.

Jadi dengan adanya *diversification* ani akan mengelakkan kerugian disebabkan oleh fokus kepada satu komoditi. Kalau satu komoditi gugur harganya, ertinya ada lagi komoditi-komoditi lain yang dapat meng*compensate* atau mengambil alih kerugian itu dan jadi menguntungkan syarikat tersebut. Ani memang telah ditekankan berkali-kali kepada syarikat-syarikat pengusaha tempatan untuk memastikan bahawa produk mereka adalah *diversified rather than single commodity*.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Osman mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan, Program Pemindahan Teknologi. Ianya adalah inisiatif kementerian dalam usaha mendedahkan pengusaha dan peladang di negara ini untuk lebih peka akan sistem yang mendukung ke arah peladang yang bersesuaian dan berteknologi untuk meningkatkan hasil keluaran dengan lebih berkesan dan menguntungkan.

Kementerian sentiasa berusaha mengikut keperluan semasa untuk mengadakan latihan kursus dan

memberikan teknologi baru yang bersesuaian mengikut program-program berikut. Ani program-program an ni noda *limited* kepada *shortlisted farmers*, ini kepada semua *farmers* yang berminat dan juga bukan sahaja *farmers* kepada *prospective farmers*, orang-orang baru yang berminat.

Jadi programnya ialah seperti program pengenalan teknologi pertanian yang mana selalunya diungkayahkan semasa ekspo-ekspos dan juga *roadshow* dan juga kadang-kadang dibuat semasa di Pasar Kitani, untuk membolehkan siapa-siapa sahaja yang *interested* untuk berkecimpung dalam teknologi *farming* untuk mengetahui dan lebih mendalam lagi pengetahuan berkenaan dengan teknologi pertanian.

Di samping atau jua, ada program pendedahan belia yang memfokuskan pendedahan belia kepada penggunaan teknologi bersesuaian bagi sistem daripada sistem konvensional. Yang ketiga ialah program *Regenerative Agriculture* iaitu pendekatan holistik yang membolehkan dan meningkatkan kesihatan tanah, biodiversiti dan ekosistem termasuk penggunaan bahan organik dan amalan-amalan pertanian yang memastikan hasil pertanian lestari.

Di samping atau jua, ada juga program-program untuk *adoption of technology through* Sistem Pensijilan Perladangan seperti *Good Agricultural Practise* ataupun *Brunei Pesticide Free*. Ia menggunakan teknik-teknik baru untuk menghasilkan produk selamat, berkualiti

dan bebas pencemaran. Dengan amalan pertanian sistematik dan rekod ladang bagi tujuan pengesanan semula, *traceability*.

Berkenaan dengan usaha memperkasakan penanaman padi di kalangan petani tempatan, terdapat beberapa program dan inisiatif dilaksanakan iaitu seperti berikut, iaitu melaksanakan usaha-usaha penyelidikan bagi mengenal pasti varieti baru berhasil tinggi dan mempunyai ketahanan terhadap musuh perosak tanaman. Ani sudahpun, telahpun kaola terangkan semasa *statement* kaola pada hari Sabtu yang lepas. Seperti juga menggunakan, apa namanya, memperbaiki lagi kesuburan tanah dan di samping itu jua mengadakan program latihan pengurusan padi yang menyeluruh iaitu *Rice Farmers Field School* ialah antara inisiatif untuk memperkasakan lagi penanaman padi di kalangan peladang-peladang tempatan.

Berkenaan soalan, berkenaan hasil yang dijual untuk kerajaan, kepada kerajaan. Pada masa ini, kebanyakkan peladang padi yang berdaftar sememangnya boleh menjual padi mereka kepada pihak kerajaan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Setakat ini terdapat 9 varieti yang telah diterima di bawah Skim Bantuan Harga Padi dan varieti yang terkini yang diterima adalah termasuk Padi BDR5, Sembada188 dan Yuan158.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji

Nasir, berkenaan dengan apakah industri ikan hiasan ini diusahakan di negara ini dan apakah perancangan pihak kerajaan di dalam memperluaskan industri ani. Sebenarnya aktiviti perikanan, ternakan ikan hiasan termasuk dalam industri ternakan ikan air tawar yang hanya menyumbang kepada 1% kepada hasil keseluruhan industri akuakultur. Hasil industri ini meningkat 29% daripada \$14 juta pada 2023 kepada \$4.18 juta pada 2014.

Walaupun tumpuan utama sektor ini adalah kepada ikan bagi tujuan makanan, kementerian ini tidak menghalang sekiranya terdapat pengusaha ingin mengembangkan aktiviti ternakan ikan hiasan. *We are not stopping it* tapi memang keutamaan pihak kementerian ialah untuk menggalakkan akuakultur bagi industri ikan untuk dimakan.

Sebagai untuk makluman, sebuah perusahaan ikan Japanese koi beroperasi di tapak sendiri baru-baru ini yang telah didaftarkan di Jabatan Perikanan. Kementerian juga sedang mengenal pasti ternakan ikan hiasan yang *homebased* masa ini. Kebanyakannya yang banyak aktif masa ani ialah *homebased* yang mana pihak Jabatan Perikanan sedang mendaftarkan syarikat-syarikat ani untuk mereka membolehkan pihak Jabatan Perikanan memantau dan memberi tunjuk ajar dan memberi khidmat nasihat dan seterusnya menggalakkan mereka untuk berkembang kepada *dedicated* premis untuk mereka mengusahakan industri ikan hiasan.

Berkenaan dengan inisiatif bagi memastikan kelestarian ekosistem marin yang juga diutarakan oleh Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir mengenai inisiatif dalam memastikan kelastrian ekosistem marin serta tapak kawasan terumbu kerang. Kementerian-kementerian ini telah melaksanakan beberapa strategi seperti penubuhan kawasan terlindung marin sejak 1 Januari 2015, meliputi 1,208-kilometer persegi, km², kawasan larangan bagi aktiviti menangkap ikan atau *no-take zones*.

Pelabuhan takat tiruan sebagai kawasan-kawasan terlindung dan pembiakan anak-anak ikan dan memperkaya sumber marin, bekerjasama dengan organisasi antarabangsa seperti SEAFDEC dalam menilai kesihatan ekosistem marin, habitat dan kualiti air bagi menyokong usaha pemuliharaan dan pengurusan perikanan yang mampan. Kolaborasi dengan *Australia Institute of Marine Science* sejak 2023 untuk meningkatkan daya tahan terumbu kerang terhadap perubahan iklim melalui penggunaan teknologi.

Bekerjasama dengan pihak NGO seperti *Reef Check Brunei* dan *The Poni Group* dalam memperluaskan program pemeliharaan dan kesedaran awam, khususnya kepada pelajar sekolah. Barangkali Yang Berhormat Pengerusi, atau sahaja dulu kali yang abis kaola dapat jawab dulu. Yang selebihnya akan dijawab melalui secara bertulis. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya kira ada baiknya Tajuk ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Semua Ahli bersetuju. Maka Tajuk ini diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukuplah dulu kita berunding dan berbincang dalam Jawatankuasa dan Jawatankuasa ini kita tangguhkan persidangannya dan kita akan bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya kira cukuplah dulu kita bersidang pada hari ini dan saya bercadang supaya mesyuarat ini kita tangguhkan, Insya Allah, kita akan bersidang semula pada hari Khamis, 20 Mac 2025. Mulai jam 9.30 pagi.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Nuzul Al-Quran, semoga kita semua akan senantiasa meraih keberkatan Al-Quran jua. Sekian. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)